



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7033]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) [Ruangan 7073]

Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan) [Ruangan 7093]

Rang Undang-undang Pencen Khas (Raja Permaisuri Agong) [Ruangan 7095]

Rang Undang-undang Suruhanjaya-suruhanjaya
Perkhidmatan (Pindaan) [Ruangan 7099]

Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) [Ruangan 7127]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
Peraturan Mesyuarat [Ruangan 7126]

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3), 1979 [Ruangan 7134]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4), 1979 [Ruangan 7134]

Akta Acara Kewangan, 1957—

Kumpulanwang Amanah Pendahuluan Sewa Rumah
bagi Penuntut-penuntut Malaysia di Indonesia [Ruangan 7135]

Akta Cukai Pendapatan, 1967—

**Gratuity paid out of Public Funds on termination
of a Contract of Employment [Ruangan 7136]**

Palm Oil Registration and Licensing Authority [Ruangan 7138]

Palm Oil Research and Development Board [Ruangan 7140]

UCAPAN PENANGGUHAN [Ruangan 7142]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**

.. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**

.. Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

.. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).**

.. Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**

.. Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**

.. Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

.. Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**

.. Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**

.. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**

.. Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

.. Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

.. Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- .. Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N. (Sungei Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK. O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam,
DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- .. TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- .. TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- .. TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- .. TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- .. TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- .. DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- .. TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- .. TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- .. TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

„ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).

„ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).

„ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).

„ TUAN V. DAVID (Damansara).

„ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

„ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).

„ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

„ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).

„ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).

„ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

„ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).

„ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

„ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).

„ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).

„ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).

„ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).

„ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).

„ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).

„ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).

„ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

„ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).

„ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).

„ TUAN MARK KODING (Kinabalu).

„ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).

„ TUAN LEE KAW (Keluang).

„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

„ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

„ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).

„ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).

„ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).

„ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

„ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

„ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- .. TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- .. TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- .. DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- .. TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- .. TUAN P. PATTO (Menglembu).
- .. TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- .. DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- .. PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- .. TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- .. TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- .. DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- .. TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- .. TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- .. DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- .. TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- .. PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- .. TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Jumaat, 22hb Jun, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

DADAH—KAKITANGAN KERAJAAN
YANG TERLIBAT

1. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) bilangan kakitangan Kerajaan yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan dadah dengan memberikan angka pecahan menurut tiap-tiap Negeri;
- (ii) apakah tindakan yang telah diambil terhadap kakitangan-kakitangan Kerajaan ini; dan
- (iii) apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menghadapi masalah ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, (a) bilangan kakitangan Kerajaan yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan dadah mengikut tahun adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan</i>
1978	157
1979 (hingga Bulan Mei) ..	117

Walau bagaimanapun, tidaklah ada perangkaan yang didapati mengikut pecahan bagi tiap-tiap negeri.

Bagi jawapan (b) pada bulan September, 1976 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19/76 telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan

Awam bagi memberi tempoh sehingga 1-1-77 supaya pegawai-pegawai Kerajaan yang mendapati diri mereka menagih dadah menjalani rawatan dan juga pemulihan.

Dan bagi (c) mereka itu adalah yang mana ditangkap sebelum atau selepas tempoh ini telah didenda ataupun dikenakan tindakan tata tertib dengan tujuan membuang kerja mereka itu.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini sama ada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Unit Anti-Dadah di tiap-tiap Jabatan Kerajaan, baik di peringkat Negeri ataupun di peringkat Federal sebagai salah satu langkah yang patut diambil untuk memerangi masalah kegiatan-kegiatan dadah di kalangan kakitangan-kakitangan Kerajaan.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidaklah ada lagi cadangan untuk menubuh Unit-unit Pencegahan Dadah di Jabatan-jabatan Kerajaan kerana badan-badan yang ada seperti PEMADAM dan juga tugas-tugas dan tanggungjawab yang diberi kepada Ketua ketua Jabatan adalah memadai untuk mengawasi di atas masalah ini.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang saya telah terangkan pada masa yang telah lalu ada cadangan supaya pegawai-pegawai Kerajaan dikehendaki menjalani pemeriksaan doktor sebelum menerima jawatan-jawatan Kerajaan dan juga di dalam perkhidmatannya pada masa-masa yang dikehendaki.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Di antara kakitangan Kerajaan yang terlibat itu adakah atau tidak terdapat Bahagian Polis dan Askar?

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Ada.

**DOKTOR BANGSA-BANGSA
BERSATU UNTUK PENDATANG
HARAM VIETNAM**

2. **Tuan Ismail bin Arshad** (*di bawah S.O. 24(2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan kesanggupan yang dibuat oleh Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu setelah beliau membuat lawatan ke negara ini dalam bulan April, 1979 di mana beliau sendiri telah sedar dan terkejut mengetahui penderitaan negara kita mengenai adanya pendatang-pendatang haram di sini pada masa ini dan bagi menunaikan janji yang beliau telah buat, nyatakan:

- (a) bilangan doktor dari Bangsa-bangsa Bersatu yang telah dihantar ke kem-kem sementara yang menempatkan pendatang-pendatang haram ini; dan
- (b) negara manakah yang benar-benar jujur dan ikhlas dalam mengatasi penderitaan kita di antara negara-negara ketiga yang beliau sebutkan.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, hanya seorang sahaja doktor Bangsa-bangsa Bersatu yang bertugas di Kem Sementara Pendatang Haram dan doktor ini adalah berpusat di Kuala Lumpur dan mengadakan lawatan-lawatan tertentu di kawasan-kawasan kem tersebut.

Selain daripada itu, untuk makluman, doktor-doktor yang lain ialah 3 orang doktor daripada International Committee of European Migration yang ditempatkan: 1 di Mersing dan 2 di Kuala Lumpur dan juga 2 orang doktor daripada Suruhanjaya Tinggi Australia yang bertempat di Kuala Lumpur.

Selain daripada itu 11 orang doktor daripada French Hospital Ship di Pulau Bidong.

Bagi jawapan (b) kita tidak dapatlah menentukan negara-negara ketiga yang manakah benar-benar jujur dan ikhlas untuk mengatasi masalah-masalah pendatang haram Vietnam ini.

Tuan Hussein bin Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sekejap tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bahawa sebilangan daripada doktor-doktor daripada peringkat antarabangsa menolong mengatasi masalah kesihatan

pendatang-pendatang haram ini, saya ingin tahu adakah sebarang doktor daripada negara Malaysia sendiri yang terlibat secara langsung di tempat atau pusat-pusat pendatang haram tersebut?

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Au How Cheong: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya adakah benar bahawa semua perbelanjaan untuk mentadbir pendatang-pendatang haram ini ditanggung oleh Bangsa-bangsa Bersatu sahaja ataupun sumbangan kewangan diberi kepada Kerajaan Malaysia kita? Jika ada apakah sumbangan itu?

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, semua perbelanjaan berhubung dengan pendatang-pendatang haram Vietnam ini adalah ditanggung oleh Bangsa-bangsa Bersatu dan sepertimana yang telah diterangkan pada masa yang lain bahawa perbelanjaan-perbelanjaan yang tertentu yang dibelanjakan oleh Kerajaan Malaysia sepertimana membiayai anggota RELA dan sebagainya adalah dibayar oleh pihak badan Bangsa-bangsa Bersatu ini menerusi Kerajaan.

Selain daripada itu tentu sekali sepertimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dahulu, Kerajaan Malaysia juga adalah menanggung bebanan kewangan dari segi mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan yang tertentu seperti polis dan lain-lain agensi-agensi Kerajaan bagi mengawasi pendatang-pendatang haram ini.

Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi didapati tidak ada doktor yang merawat di kem-kem seperti di Pantai Timur, di Kota Tinggi dan sebagainya. Jadi saya ingin tahu oleh kerana didapati di antara pendatang-pendatang haram ada yang bersalin dan terpaksa pergi ke hospital-hospital di negeri kita ini. Jadi soalan saya, adakah yang bersalin di hospital kita ini diberi surat akuan beranak?

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis bagi menjawab soalan ini.

Tuan Awang bin Jabar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi bahawa doktor-doktor daripada Bangsa-bangsa Bersatu dan lain-lain itu yang dihantar untuk orang-orang pelarian ada di antara mereka itu ditempatkan di Kuala Lumpur. Jadi, apakah tujuan ditempatkan di Kuala Lumpur?

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya terangkan doktor ini satu sahaja ditempatkan di Kuala Lumpur iaitu doktor yang dipunyai ataupun yang ditugaskan oleh pihak Bangsa-bangsa Bersatu di tempat di Kuala Lumpur. Ini oleh sebab ianya adalah dikehendaki membuat pemeriksaan bagi pendatang-pendatang haram yang telah dan sedang menjalankan proses perjalanan mereka keluar ke negara ketiga. Dan oleh sebab satu sahaja doktor ini dia adalah dikehendaki mengadakan lawatan-lawatan ke semua kem-kem, maka selain daripada itu sukalah saya maklumkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa di antara pendatang-pendatang haram sendiri ada banyak terdiri daripada doktor-doktor juga iaitu tidak kurang daripada 75 orang doktor yang terdiri daripada pendatang-pendatang haram sendiri.

ZOPFAN

3. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah dasar ZOPFAN dan peranannya mengenai dengan Peraturan Kuasa Baru di Asia Tenggara akibat perkembangan politik di Indo-China.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat salah satu daripada asas dasar luar negeri kita adalah bagi mencapai objektif menubuhkan kawasan aman, bebas dan berkecuali bagi Asia Tenggara; bebas dari apa-apa bentuk campur tangan dari mana-mana kuasa luar. Intisari konsep ZOPFAN ini pada asasnya adalah bertujuan untuk mewujudkan satu rangka perhubungan politik yang sesuai dengan hasrat dan inspirasi negara-negara di rantau ini tanpa mengeciwai atau membeza kepentingan luhur kuasa-kuasa luar. Konsep ini pada hakikatnya berusaha mengawasi peranan kuasa-kuasa luar di rantau ini iaitu menghindar mana-mana satu

kuasa luar itu dari memainkan peranan utama ataupun berhasrat mempengerusi negara-negara di rantau ini.

Pada keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua, konsep ini akan mewujudkan satu sistem yang aman dan stabil di Asia Tenggara. Sikap berkecuali dan pendirian tegas yang telah ditunjukkan oleh Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain terhadap perkembangan di Indo-China pada hakikatnya adalah selaras dengan hasrat kita bersama untuk mencapai objektif menjadikan Asia Tenggara satu kawasan aman, bebas dan berkecuali.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum berikutan dengan perkembangan di Indo-China, Malaysia dan negara-negara Asia yang lain telah menegaskan melalui kenyataan-kenyataan bersama pada 13hb Januari dan 20hb Februari, 1979 pandangan berat kita terhadap perkembangan ini. Kita telah sekali lagi menegaskan pendirian terhadap prinsip-prinsip yang terkandung dan Charter Bangsa-bangsa Bersatu dan kepada prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa. ASEAN juga telah menyeru agar pihak-pihak yang terlibat dalam pertikaian ini mem-berhentikan segala persengketaan dan supaya semua tentera-tentera asing ditarik keluar dari kawasan-kawasan terlibat di Indo-China. Perkembangan ini yang disokong oleh China telah menguatkan lagi keazaman Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain untuk mencapai hasrat kita bersama yakni menjadikan kawasan ini aman, bebas dan berkecuali.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Soalan tambahan. Konsep ZOPFAN ini telah diakui oleh setengah-setengah negara di dunia apabila konsep ini telah diisytiharkan termasuk satu dua kuasa besar. Baru-baru ini mengikut berita sebuah kapalperang induk Russia telah belayar melalui Selat Melaka dan destinasiya ialah di Laut China Selatan. Ini merupakan satu provokasi terhadap negara-negara di Asia Tenggara dan terhadap dasar ZOPFAN yang telah kita majukan ini. Saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen apakah sikap negara-negara ASEAN terhadap provokasi yang telah ditunjukkan oleh negara Russia itu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan di

sini berhubung dengan konsep ZOPFAN terlebih dahulu iaitu dasar berkecuali, bebas dan aman. Kita membawa dasar equi-distance, ertinya kita membawa dasar sama jarak dengan semua negara-negara yang ada dalam dunia ini termasuk kuasa-kuasa besar. Jadi memandangkan dasar ini, maka amatlah perlu untuk mewujudkan satu kawasan aman, bebas dan berkecuali bahawa konsep ini dipraktikkan dan sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati sokongan terhadap konsep ini boleh dikatakan banyak, terutama sekali oleh negara-negara berkecuali di Algiers pada tahun 1973 dan konsep ini juga disokong oleh negara-negara besar termasuk negara China iaitu pada masa mereka membuat lawatan ke kawasan ini. Jadi bagi menjawab soalan Yang Berhormat tadi, saya rasa pertama sekali kita tidak boleh mengambil satu tindakan terhadap berita-berita yang dikeluarkan oleh akhbar dengan sewenang-wenangnya.

Pertama sekali, evidence itu mestilah nyata. Adakah evidence itu nyata atau tidak?

Yang Kedua, soal ZOPFAN ini pada masa ini merupakan gagasan, kita hanya mencari dan meminta sokongan daripada semua negara bagi mewujudkan apa yang dikatakan ZOPFAN ini. Jadi berhubung dengan tindakan itu, saya rasa sikap ZOPFAN dari segi ZOPFAN tidaklah timbul.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, jawapan itu nampaknya kurang jelas. Saya ingin mendapat penjelasan yang lebih lanjut, pada pandangan saya kedatangan kapal perang pembawa kapal terbang, kapal induk Russia itu adalah sebagai satu cabaran terhadap konsep yang telah kita setuju iaitu dasar aman bebas dan berkecuali, kedatangan beliau ini sebagai satu cabaran kepada konsep ini. Jadi adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersetuju bahawa kedatangan kapal perang itu sebagai satu cabaran dan apakah sikap negara kita terhadap cabaran itu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali jikalau apa yang diperkatakan itu benar maka menjadi tanggungjawab kita mempereratkan lagi asas...

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap Yang Berhormat jawab tepat sahaja kepada soalan itu, jangan panjang sangat.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan semacam ini saya rasa penjelasan yang agak lebih lanjut....

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan sudah dibuat tadi, tetapi tidak jelas jawapannya. Soalan tambahannya ini sama dengan soalan tambahan yang mula-mula.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: ...kalau perkara ini sebenarnya betul berlaku maka ini merupakan cabaran kepada keamanan negara kita khususnya dan negara-negara ASEAN amnya.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada lautan kita di Melaka (Straits of Malacca) ini boleh dilalui oleh kapal-kapal laut tentera-tentera asing selain daripada Tentera Laut Russia, misalnya Tentera Laut Amerika, Tentera Laut Australia dan sebagainya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu soalan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah.

KEMPEN MEMBURUKKAN MALAYSIA

4. **Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar terdapatnya warganegara Malaysia dengan niat yang tertentu menjalankan kempen memburukkan negara dan Kerajaan Malaysia, di luar negeri. Kalau sedar apakah langkah-langkah yang diambil oleh beliau:

- (a) untuk membetulkan dakyah tersebut dengan keadaan yang sebenar wujud di negara ini; dan
- (b) untuk mengambil tindakan terhadap warganegara-warganegara Malaysia terlibat itu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, (a) Kerajaan sentiasa memperhatikan dengan teliti rakyat Malaysia yang terlibat secara aktif memburukkan negara dan Kerajaan Malaysia di beberapa negara asing. Sikap setengah mereka ini adalah akibat dari salah atau kurang

memahami dasar-dasar Kerajaan terhadap negara. Ini mungkin disebabkan oleh kerana mereka tidak mengikuti perkembangan politik dan dasar-dasar Kerajaan. Usaha-usaha untuk menerangkan kepada mereka telahpun diperbuat melalui kedutaan-kedutaan Malaysia di seberang laut.

Bagi menjawab soalan (b), walau bagaimanapun tidaklah ada undang-undang yang membolehkan Kerajaan mengambil tindakan selagi mereka berada di seberang laut. Akan tetapi jika golongan ini pulang ke Malaysia dan meneruskan kegiatan itu maka tindakan sewajarnya tentulah akan diambil mengikut undang-undang.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada beberapa orang pemimpin yang mendapat tempat di Timur Tengah cuba menyebarkan berita tentang kedudukan Islam di Malaysia dengan berita yang tidak benar. Apakah Kerajaan bercadang untuk menahan lawatan mereka itu ke Timur Tengah?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi berhubung dengan mereka yang menjalankan kegiatan di luar negeri pada hari ini pihak Kerajaan tidak boleh mengambil apa-apa tindakan undang-undang sehingga mereka pulang ke negara kita. Kalau mereka berada di negeri kita dan mereka bercadang hendak menjalankan tugas itu, soal bercadang ini belum dapat kepastian sama ada mereka melakukan atau tidak. Jadi kalau ada pengesahan yang mereka ini benar-benar menjalankan kegiatan itu, itu masalah lain.

Jadi sukalah saya menyatakan kepada Yang Berhormat bahawa kita akan mengambil tindakan jikalau mereka pulang ke negara kita dan meneruskan kegiatan itu.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Luar Negeri yakin bahawa usaha-usaha untuk membetulkan dakyah-dakyah buruk di luar negeri yang dijalankan melalui kedutaan-kedutaan di luar negeri itu dapat menjamin perkara-perkara semacam itu tidak akan lebih buruk daripada sekarang?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya jelaskan lebih

lanjut sedikit berhubung dengan keadaan ini. Sebenarnya Kementerian Luar Negeri ada menjalankan tugasnya dalam dua peringkat.

Peringkat yang pertama berhubung dengan penerbitan. Kita mengeluarkan Majalah Digest, Foreign Affairs, Panorama macam-macam lagi untuk memberitahu kepada orang-orang kita di seberang laut tentang kedudukan negara kita dan dasar kita.

Berhubung dengan duta kita sendiri di seberang laut kita juga meminta mereka menjalankan ceramah-ceramah, penerangan di universiti dan Persatuan Penuntut-penuntut, di Chambers of Commerce dan juga di tempat-tempat lain. Dan selain daripada itu kita juga memberi peluang kepada mereka untuk mengadakan press statements dan kenyataan-kenyataan yang lain. Di samping itu kita juga memberi peluang kepada mereka mewujudkan special issue di akhbar-akhbar tempatan berhubung dengan kegiatan-kegiatan dan dasar-dasar kita di Malaysia ini. Jadi saya rasa jikalau kegiatan-kegiatan ini berjalan dengan lancar iaitu sambutan baik kita dapat terima daripada pelajar-pelajar atau sesiapa sahaja di seberang laut di sana maka barangkali pada hemat saya suasana ini akan mengorak langkah ke arah satu suasana yang lebih baik dari satu masa ke satu masa dan ini saya rasa perlulah Ahli-ahli Yang Berhormat yang membuat lawatan ke seberang laut mengambil kesempatan untuk sama-sama memberi penerangan berhubung dengan kedudukan kita terutamanya kedudukan negara kita pada masa ini.

Tuan Lee Kaw: Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan tidak boleh mengambil satu-satu tindakan selain daripada orang ini balik ke Malaysia. Adakah Setiausaha Parlimen sedar Paspot Antara-bangsa ialah terhad lima tahun sahaja dan paspot ini boleh direvoke, tindakan boleh diambil supaya paspotnya direvoke dan orang ini tidak boleh menggunakan Paspot Malaysia lagi, dengan sebab itu bolehkah tindakan diambil oleh Setiausaha Parlimen?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya jikalau seseorang itu didapati menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh mengeluarkan syak wasangka berhubung dengan perjalanannya, maka saya rasa adalah elok jikalau kita dapat

mengambil tindakan bersabit dengan paspot dan lain-lain lagi.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamad Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa di luar negeri Malaysia mempunyai lebih daripada 30,000 orang pelajar-pelajar di merata-rata negeri. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada Kementerian Luar Negeri di kedutaan-kedutaan kita di luar negeri ada menyimpan senarai nama-nama, alamat-alamat dan juga kursus-kursus yang diambil oleh pelajar-pelajar kita di tiap-tiap negara di luar negeri.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Ada.

KEKURANGAN BERAS

5. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pertanian menyatakan, memandangkan akibat dari beribu-ribu ekar tanah sawah yang kekeringan air dan juga kekurangan tenaga pekerja-pekerja sawah di negara kita pada masa ini, adalah kemungkinan rakyat negara ini akan menghadapi masalah kekurangan beras jika berlaku sesuatu perkara yang menyebabkan negara kita tidak dapat mengimport beras dari negara luar. Apakah rancangan Kementerian ini bagi mengatasi kemungkinan perkara ini berlaku?

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian sentiasa melaksanakan rancangan-rancangan untuk menampung keperluan makanan negara terutama sekali beras. Antara rancangan itu termasuklah:

- (a) meluaskan kawasan-kawasan yang ditanam padi dua kali setahun dengan menyediakan lebih banyak kemudahan-kemudahan parit, taliair serta memperbaiki pembahagian air melalui cara yang lebih teratur di kawasan-kawasan itu.
- (b) menyiasat kawasan-kawasan baru yang ada kemungkinan di tanam padi;
- (c) petani-petani diberi bantuan subsidi input dan mulai bulan Julai ini bantuan baja akan diberikan kepada semua

penanam-penanam padi. Mereka akan menerima \$60 seekar tapi tidak lebih dari enam ekar;

- (d) menubuhkan satu unit membuat hujan tiruan atau "cloud seeding" dalam usaha mengatasi masalah kekurangan air. Unit ini telahpun memainkan peranan penting di kawasan Pengairan Muda di Waktu Musim Kemarau pada akhir 1978 untuk membolehkan penanaman padi musim pertama tahun ini (1979);
- (e) mencari punca-punca air bawah tanah untuk kegunaan pertanian. Usaha ini telahpun berjaya di Meranti, Kelantan di mana kawasan kira-kira 200 ekar telah dapat dibekalkan dengan air bawah tanah. Ujian-ujian di Kedah juga telah berjaya dan sedang diteruskan;
- (f) usaha-usaha juga dijalankan bagi menjadikan Sektor Pertanian sebagai satu lapangan pekerjaan yang menarik dan menguntungkan dalam usaha-usaha menarik minat lebih ramai anak-anak muda menceburkan diri di bidang ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu hujan tiruan yang dicuba ini bolehkah digunakan juga sekiranya hujan tidak ada langsung pada tahun yang berkenaan. Pendek kata, kalau hujan tak ada langsung, bolehkah digunakan dengan hujan tiruan ini?

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat boleh.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberitahu bahawa di antara cara-cara untuk menambahkan keluaran padi ini ialah dengan menambahkan kawasan-kawasan padi yang baru. Saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan kalau dapat untuk memberitahu Dewan ini di manakah usaha-usaha ini telah dibuat setakat ini dan apakah hasilnya, secara kasar pun memadai?

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, setengah kawasan-kawasan di negeri Sarawak dan Sabah. Di Sarawak seperti di Limbang Valley dan di Sadongkrang Valley dan di lain-lain tempat di negeri ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Soalan tambahan lagi. Sebagaimana dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi musim kemarau sekalipun boleh dengan menggunakan hujan tiruan. Jadi kalaulah musim kemarau bererti perakuan bolehlah dibuat bendang juga kepada petani-petani walaupun musim kemarau dengan tak ada awan, dengan tak ada hujan terus. Jadi keyakinan bolehlah dibuat bendang dengan tak ada musim hujan dengan menggunakan hujan tiruan sahaja.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Ini belum berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi sebagaimana kata saya tadi, saya ingat boleh, tetapi ini belum pernah berlaku di negara kita.

MAJUTERNAK—BILANGAN BINATANG DISEMBELIH

6. Puan Shariffah Dorah binti Mohamed minta Menteri Pertanian menyatakan bilangan lembu, kerbau dan kambing yang disembelih oleh Majuternak untuk pasaran setiap tahun. Sama ada beliau sedar bahawa kulit-kulit binatang ini mendapat harga yang baik di pasaran tempatan dan luar negeri dan apakah yang dibuat dengan kulit-kulit binatang yang disembelih pada tiap-tiap minggu, bulan dan tahun.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, bilangan lembu/kerbau yang disembelih oleh MAJUTERNAK:

1976	7,589	ekor
1977	8,508	"
1978	9,369	"
1979	(Jan. - April)	2,609	"

Pihak Kerajaan sedar bahawa kulit-kulit binatang mendapat harga yang baik di pasaran tempatan dan luar negeri. Semua kulit-kulit lembu/kerbau yang disembelih oleh Lembaga Kemajuan Ternakan Negara dijual kepada kilang-kilang memproses kulit tempatan secara kontrek pada tiap-tiap tahun.

KEBUN BUNGA KUALA LUMPUR

7. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Wilayah Persekutuan me-

nyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa tanah-tanah di Kebun Bunga Kuala Lumpur telah banyak diambil untuk kegunaan jalan sedangkan kecantikan semula jadi kebun bunga itu hendaklah dipelihara dan dijaga keasliannya. Adakah Kerajaan bercadang hendak menutup Jalan Kebun Bunga itu daripada dilalui oleh kenderaan dan menggunakan jalan lain yang berhampiran. Jika tidak, mengapa?

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa kerja-kerja membuat jalan di Kebun Bunga menjejaskan keindahan kebun itu. Walau bagaimanapun, ini telah dipertimbangkan dengan teliti dan didapati projek jalan terpaksa juga melalui Taman Bunga. Projek jalan ini dikenali sebagai 'Traffic Dispersal Scheme 3' (TDS 3) iaitu sebahagian daripada Projek Pengangkutan Kedua Bandar Kuala Lumpur (Second Kuala Lumpur Urban Transport Project) yang dijangka siap pada tahun 1980/81. TDS 3 ini perlu bagi menghubungkan selatan dan utara Kuala Lumpur dengan tujuan supaya kenderaan-kenderaan yang ingin ke utara atau ke selatan tidak perlu lagi melalui pusat Bandaraya Kuala Lumpur dan dari itu mengurangkan kesesakan lalulintas.

Buat masa ini Jalan Kebun Bunga tidak boleh ditutup kerana ianya merupakan jalan penting bagi kenderaan-kenderaan dari Jalan Bangsar/Travers/Damansara ke Jalan Duta/Jalan Parlimen dan sebaliknya. Jalan Kebun Bunga hanya ditutup pada petang hari Sabtu dan hari Ahad dan juga hari-hari kelepasan am.

Kerajaan sangat mementingkan taman-taman bunga bagi orangramai. Selain daripada Taman Bunga Kuala Lumpur, sebuah taman baru sedang dibina di Jalan Kuantan dan sebuah lagi akan dibina di Kampung Konggo, Cheras.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa kerja-kerja membina jalan yang sedang dijalankan di beberapa tempat di Kuala Lumpur dan di sekitarnya telah menimbulkan masalah kesesakan lalulintas yang amat buruk. Jika sekiranya beliau sedar, sama ada

Kementerian yang berkenaan dapat memberi satu arahan kepada semua agensi-agensinya yang ada terlibat dengan pembinaan jalan-jalan itu supaya kerja ini dapat dipercepatkan.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar yang banyak kesusahan telah timbul oleh sebab kerja-kerja membaiki, membesar dan meluruskan jalan-jalan dalam Kuala Lumpur dan agensi yang terlibat dengan ini hanya satu sahaja iaitu Jabatan Kerjaraya dan Jabatan inilah yang menyelaras dan menggesa pihak-pihak yang berkenaan dengan membina jalan itu supaya sentiasa seboleh-bolehnya mengurangkan kesesakan lalu lintas di tempat-tempat di mana pembinaan sedang dijalankan.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedia maklum dengan terbinanya jalan-jalan raksaksa itu telah menjejaskan sama sekali fungsi Taman Perdana kita itu sebagai suatu tempat recreation (riadah), fungsinya telah habis terjejas sama sekali. Oleh hal yang demikian, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bercadang hendak menukarkan syarat Taman Perdana itu untuk dijadikan suatu tempat perdagangan, tempat untuk kita bina bangunan-bangunan yang besar untuk perniagaan dan juga membelah.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini memberi erti nampaknya.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang kerja-kerja membuat jalan di Taman Bunga itu sedikit menjejaskan kedudukan taman itu sebagai taman rekreasi tetapi tidak sehabisnya sebagaimana Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi, masih ada kawasan yang luas lagi yang sekarang pun, sepertimana pembinaan jalan sedang berjalan, dapat digunakan sebagai tempat rekreasi dan Kerajaan tidak ada pada masa sekarang apa-apa cadangan untuk meminda syarat ataupun status Kebun Bunga yang ada sekarang.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan

tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan sedar bahawa Jalan Kebun Bunga ini ditutup pada hari Sabtu dan Ahad, jadi papan tanda yang memang ada sepanjang masa adalah di tepi dan jauh kecil pula dan berlaku beberapa pelanggaran kepada kayu yang merentang jalanraya itu pada tiap-tiap tahun? Pertanyaan saya adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan ini bersedia untuk menyediakan sebuah papan tanda di tengah jalan itu supaya jangan orang terlupa hari Sabtu dan Ahad orang ingat hari Isnin atau Selasa, maklumlah Kebun Bunga, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Apa hal kalau dilanggarnya tiang itu pula? (*Ketawa*).

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Kalau ada tanda itu, dia nampak dan dia boleh melencong ke lain.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua yang jawab soalan itu. Papan tanda yang ada sekarang ini memang diletak dengan jarak yang agak menasabah juga dan kejadian pelanggaran di tempat itu mengikut rekod yang ada bukanlah banyak sangat, sedikit-sedikit itu adalah. Agaknya bagi mereka itu mata pandang ke lain dan memandu ke arah lain, inilah yang menyebabkan pelanggaran dengan tiangnya.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menyatakan bahawa gangguan yang terjadi disebabkan oleh pembangunan jalan itu adalah sedikit sahaja, tetapi konsep kita mengadakan kebun-kebun bunga dan tempat-tempat rekreasi ini adalah untuk memberi peluang kepada rakyat kita mendapat udara bersih. Jadi dengan adanya jalan baru yang menyambung utara dan selatan Kuala Lumpur ini menyebabkan konsep kita hendak mengadakan Kebun Bunga untuk mendapat udara bersih itu sudah tercemar kerana dicemarkan oleh keadaan udara dari kenderaan-kenderaan yang lalu-lintas. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ataupun Kementerian yang berkenaan bercadang untuk mengurangkan pencemaran ini supaya kenderaan-kenderaan berat seperti lori dan sebagainya tidak dibenarkan melalui jalan ini?

Soalan yang kedua, pembangunan pesat yang berlaku di Kuala Lumpur ini telah bertukar daripada hutan-hutan yang banyak di keliling Kuala Lumpur ini sudah bertukar menjadi hutan batu-bata. Apakah tindakan daripada Dewan Bandaraya untuk mem-banyakkkan lagi pokok-pokok dalam kawasan yang telah ditebang dan telah dibangunkan dengan rumah-rumah itu, sama ada hendak diadakan pertandingan menanam pokok-pokok atau apa-apa cara yang lebih menasabah supaya banyak pokok-pokok yang telah ditebang itu diganti dengan tanaman yang baru?

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan bahagian pertama memanglah bila banyak kereta melalui kawasan itu kecemaran tentulah berlaku, tetapi dalam hal ini sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan melalui Kementerian Sains dan Teknologi memang ada kawalan-kawalan yang dibuat untuk mengurangkan kecemaran di mana sahaja.

Tambahan pula Taman Bunga Kuala Lumpur yang ada sekarang ini agak kecil dan tidak mencukupi untuk dijadikan sebagai taman rekreasi untuk seluruh penduduk di Kuala Lumpur, oleh sebab itulah saya katakan tadi di kawasan-kawasan lain seperti di Jalan Kuantan dan juga di Kampung Konggo, Cheras dua taman bunga yang lebih besar daripada yang ada sekarang ini akan dibina.

Berhubung dengan cadangan yang kedua pula, sebenarnya rancangan menanam pokok-pokok di tepi-tepi jalan di kawasan-kawasan lapang sedang giat dijalankan oleh Dewan Bandaraya dan Dewan Bandaraya ada satu unit terkenal dengan nama Unit Peng-indahan Bandar dan unit inilah yang bertanggungjawab menanam pokok-pokok di sepanjang jalan dan di kawasan-kawasan yang boleh ditanam pokok. Bagi di kawasan-kawasan di mana terdapat pokok-pokok yang lama, sudah tua, ia ditebang dan diganti dengan pokok-pokok baru. Untuk mendapat pokok-pokok ini Dewan Bandaraya ada empat nursery, tapak semeian pokok-pokok, di mana pokok-pokok yang diperlukan itu boleh didapati.

LORI-LORI BERAT

8. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa lori-lori muatan berat berjalan dengan lajunya yang boleh membahayakan nyawa penunggang-penunggang motosikal. Berapa banyakkah lori-lori yang ditahan atas kesalahan tersebut pada tahun 1977 dan 1978.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar adanya lori-lori berat yang berjalan dengan lajunya. Kementerian saya pun sedar bahawa tindakan biasa diambil terhadap mereka oleh agensi-agensi yang berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Polis telah mengambil tindakan saman terhadap pemandu-pemandu lori atas kesalahan lari deras berjumlah 4,125 dalam tahun 1977 dan 5,009 dalam tahun 1978.

SUBSIDI ATAS MINYAK TANAH/DISEL

9. Tuan Ibrahim bin Muhamad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan sepanjang tahun lalu bagi membayar subsidi kepada berbagai jenis barangan yang dikawal oleh Kerajaan bagi mencegah kenaikan harga; berapakah jenis barangan tersebut serta peruntukannya; berapakah bantuan subsidi yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan sehingga Mac tahun ini?

Setiausaha Parlimen Kementerian Per-dagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan hanya memberi subsidi ke atas dua jenis barang, iaitu minyak tanah dan disel yang terletak di bawah tanggungjawab Kementerian saya. Perbelanjaan yang telah dikeluarkan sepanjang tahun 1978 bagi mem-bayar subsidi ke atas minyak tanah ialah sebanyak \$30,985,567.36 dan ke atas minyak disel ialah sebanyak \$6,038,775.45. Bantuan subsidi yang telah dikeluarkan sehingga bulan Mac tahun ini bagi minyak tanah ialah sebanyak \$7,945,335.64 dan bagi minyak disel ialah sebanyak \$1,502,265.25.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perlu saya jelaskan di sini bahawa

Kerajaan sebenarnya tidak membuat apa-apa peruntukan yang tertentu bagi membayar subsidi ke atas kedua-dua jenis barang tersebut pembayarannya adalah dibuat bergantung kepada jumlah yang digunakan.

CUTI AM HARI BELIA

10. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kegiatan belia bertambah maju sekarang dan Kerajaan mengisytiharkan 15hb Mei sebagai Hari Belia, sama ada Kerajaan bercadang untuk mengisytiharkan hari tersebut sebagai hari kelepasan am.

Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, soalan mengenai Cuti Am atau Hari Kelepasan Am telah saya jawab pada 11-6-79 ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat daripada Damansara. Oleh itu saya tidak bercadang memberi apa-apa jawapan lagi atas soalan ini.

BUMIPUTRA DALAM PERDAGANGAN

11. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan dalam saat Kerajaan hendak meningkatkan peniaga bumiputra dalam lapangan perdagangan tidakkah beliau memimpin setengah-setengah mereka sehingga ke peringkat antarabangsa. Jika ya, sama ada Kerajaan sentiasa menunjukkan kepada mereka jalan-jalan bagaimana sesuatu perdagangan di peringkat antarabangsa dapat dijalankan dan adakah Kerajaan sentiasa memberi maklumat kepada peniaga-peniaga bumiputra akan nama negara-negara luar yang berkehendakkan bahan-bahan tertentu dari Malaysia.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya telah menggalakkan dan memimpin bumiputra memasuki bidang perdagangan sehinggalah ke peringkat antarabangsa dengan mengadakan berbagai perkhidmatan untuk mereka. Berkaitan dengan bidang perdagangan di peringkat antarabangsa, Kementerian saya sentiasa memberikan nasihat kepada mereka tentang keadaan dan kehendak-kehendak pasaran di luar negeri. Segala permintaan perdagangan yang diterima dari lain-lain negeri, iaitu pertanyaan-pertanyaan bagi

mengimport barangan dari Malaysia, dan pertanyaan-pertanyaan untuk mengeksport ke Malaysia, adalah diedarkan di antara lain kepada Dewan-dewan Perniagaan Melayu, Syarikat-syarikat Bumiputra yang menjalankan kegiatan-kegiatan import dan eksport, dan lain-lain Syarikat Bumiputra yang mungkin berminat menjalankan kegiatan-kegiatan ini.

Salah satu usaha untuk meningkatkan eksport Negara ialah dengan menganjurkan aktiviti-aktiviti galakan eksport yang bertujuan memperkenalkan barang-barang keluaran Malaysia di pasaran luar negeri. Ini termasuklah mengambil bahagian dalam pertunjukan-pertunjukan perdagangan dan menganjurkan sendiri pertunjukkan-pertunjukkan perdagangan di lain-lain negeri. Di samping itu, Kerajaan juga menghantar rombongan-rombongan perdagangan ke luar negeri. Para pengeksport dan pengimport Bumiputra turut dipelawa menyertai aktiviti-aktiviti ini.

Di samping itu juga, Kementerian saya mengeluarkan beberapa penerbitan berhubung dengan pasaran antarabangsa iaitu:

- (i) Trade Abroad;
- (ii) Tinjauan Pasaran;
- (iii) Pekeliling Bulanan; dan
- (iv) Panduan Eksport.

Penerbitan-penerbitan ini memberi panduan dan fahaman berhubung dengan keadaan dan kehendak-kehendak pasaran di luar negeri. Kesemuanya ini adalah disembarkan di antara lain kepada Dewan-dewan Perniagaan dan para pengeksport, termasuklah pengeksport-pengeksport Bumiputra.

Kementerian saya juga berusaha mendapatkan kerjasama dari syarikat-syarikat antarabangsa yang besar di Malaysia untuk mengadakan usahasama dengan peniaga-peniaga Bumiputra dan seterusnya membimbing mereka di bidang perdagangan antarabangsa. Usaha-usaha ini telah menghasilkan beberapa buah syarikat usahasama di antara syarikat-syarikat antarabangsa yang besar dengan peniaga-peniaga Bumiputra dan syarikat-syarikat usahasama ini juga menjalankan aktiviti-aktiviti import dan eksport.

DIESEL—KEKURANGAN AKIBAT SISTEM DUA HARGA

12. **Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian adakah beliau sedar bahawa sistem dua harga bagi minyak diesel seperti yang diamal sekarang membantu menggalakkan kekurangan diesel untuk kereta-kereta bermotor sekarang dan juga tambahan pula kawalan terhadap pembahagian diesel kepada industri tidak dibuat.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian telahpun menjawab soalan yang serupa semasa beliau menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar pada 11-6-1979, dan saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan tersebut.

RIMV—KAEDAH BARU UJIAN MEMANDU

13. **Tuan Lee Lam Thye** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar perniagaan-perniagaan kecil seperti sekolah-sekolah memandu kereta terjejas dengan teruk kerana peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah baru yang dikeluarkan oleh pihak RIMV, dan sama ada peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang bertujuan untuk keselamatan pemandu-pemandu dan orang ramai akan dilaksanakan secara rasional dan cekap tanpa menjejaskan mata pencarian pengusaha-pengusaha sekolah-sekolah memandu.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada perubahan peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah baru mengenai ujian memandu yang mana dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jabatan Pengangkutan Jalan hanya mengubahsuaikan sistem ujian memandu terdahulu dengan ujian ketiga peringkat. Persatuan Sekolah-sekolah Memandu Semenanjung Malaysia dengan cara terbuka menyokong sistem baru ini. Walau bagaimanapun, ahli-ahli persatuan tersebut pernah membangkitkan masalah-masalah yang timbul dalam pelaksanaan sistem itu.

Kementerian saya telah mengadakan beberapa mesyuarat dengan ahli-ahli persatuan itu baik peringkat negeri mahupun

kebangsaan. Kebanyakan masalah-masalah yang dibangkitkan telah diselesaikan. Walau bagaimanapun, dialog Kementerian dengan sekolah-sekolah memandu akan diteruskan.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar bahawa di negara kita ini amat senang sangat seseorang itu mendapat lesen pemandu yang penuh dan oleh yang demikian kemungkinan besar bahawa perlanggaran-perlanggaran di negara kita ini adalah disebabkan oleh kerana mereka yang mendapat lesen membawa kereta yang sepatutnya belum boleh lagi diberi lesen. Oleh yang demikian, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk memperketatkan undang-undang memberi lesen memandu penuh kepada mereka?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa pada masa ini senang mendapat lesen memandu kereta.

GURU-GURU BERPOLITIK— TINDAKAN DISIPLIN

14. **Tuan Chan Teck Chan** meminta Perdana Menteri menyatakan bahawa apakah tindakan-tindakan tegas akan diambil terhadap pegawai-pegawai Kerajaan dan guru-guru yang melalaikan tanggungjawab dan tugasnya ketika mereka terlibat dalam kegiatan politik, sama ada beliau sedari bahawa sebahagian pegawai-pegawai Kerajaan dan guru-guru lebih mengutamakan kepentingan politiknya daripada kepentingan perkhidmatan rakyatnya, jika sedar apakah tindakan akan diambil untuk memperbaiki keadaan yang tidak sihat dan bertentangan dengan matlamat dan keazaman Kerajaan yang mahu mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih, berkecekapan, bertanggungjawab dan berjiwa rakyat.

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, penglibatan kakitangan-kakitangan dalam Perkhidmatan Awam dalam kegiatan politik adalah diawasi mengikut Peruntukan 20, Perintah Am Bab 'D' (Pindaan 1971). Mengikut Peruntukan tersebut kakitangan-kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan A tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan politik. Bagi Kumpulan-kumpulan B, C dan D kebenaran boleh diberikan kepada mereka

untuk mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan politik kecuali anggota-anggota Pasukan Polis atau Perkhidmatan Penjara dengan syarat kegiatan-kegiatan mereka itu hendaklah dilakukan di luar waktu pejabat. Kakitangan-kakitangan ini tidaklah boleh mengutamakan kegiatan politik daripada tugas rasminya, dan di mana terdapat pegawai yang cuai dalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab, mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib yang boleh membawa kepada hukuman buang kerja.

Mengikut rekod Kementerian Pelajaran tidak ada sebarang aduan yang diterima mengenai guru-guru yang lebih mengutamakan kepentingan politiknya dari tugas rasminya sebagai seorang guru sehingga melalaikan tanggungjawab dan tugasnya.

Jikalau Ahli Yang Berhormat ada mempunyai bukti mengenai kegiatan politik di kalangan pegawai Kerajaan yang melanggar Perintah Am Bab 'D', maka perkara ini patutlah dilaporkan kepada Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan supaya tindakan tatatertib boleh dimulakan ke atas pegawai-pegawai tersebut.

Tuan Hashim bin Ghazali: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio ada menyatakan Kerajaan melarang seseorang atau siapa juga pegawai Kerajaan mengambil bahagian cergas dalam politik. Jika ada akan diambil tindakan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan jika terdapat seseorang guru yang memahami parti politik daripada parti Pembangkang dan dia mengambil kesempatan pada masa pilihanraya mengadakan kempen di dalam darjahnya supaya murid-muridnya dapat mempengaruhi ibubapa atau keluarga mereka supaya tidak mengundi parti Kerajaan. Jika ada seperti itu apakah tindakan yang patut diambil oleh Kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang menyebut "misalan-misalan" tidak boleh dibenarkan di bawah Peraturan Mesyuarat 23(1) (h).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya pegawai Kerajaan ataupun guru-guru yang terlibat dengan kegiatan politik

parti pemerintah adalah mereka yang menyokong kuat dasar Kerajaan dan tidak akan mengecewakan Kerajaan, tetapi pegawai Kerajaan atau guru yang terlibat dengan parti Pembangkang sudah tentu mereka itu akan menentang dasar Kerajaan. Jadi apakah tindakan Kerajaan kepada mereka yang menentang dasar Kerajaan?

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, sementara ini kita belum menerima laporan mengatakan ada pegawai Kerajaan menentang dasar-dasar Kerajaan. Jika ada, tindakan yang sesuai tentulah akan diambil.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pegawai dalam Kementerian dan bukan guru-guru di bilik darjah sahaja. Mengikut pengetahuan kita terdapat beberapa orang pegawai dalam Kementerian sendiri yang melakukan penyelewengan dan apakah tanggungjawab bagi seorang Menteri terhadap pegawai itu kerana perkara seperti itu telah dibangkitkan dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara maka barulah kita mendapat tahu selama 3-5 tahun tindakan tertentu tidak diambil.

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, setiap kakitangan Kerajaan adalah bekerja mengikut syarat-syarat yang ditentukan khasnya mengikut Perintah Am. Sekiranya terdapat mereka melanggar perintah ini maka tindakan akan diambil mengikut peraturan yang tertentu.

CHIAN HENG KAI DAN CHAN KOK KIT— PERAKUAN LEMBAGA PENASIHAT

15. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan perakuan-perakuan yang dibuat oleh Lembaga Penasihat ketika ia mengulangkaji kes tahanan Y.B. Chian Heng Kai, Ahli Parlimen DAP Kawasan Batu Gajah dan Y.B. Chan Kok Kit, Ahli Parlimen DAP Kawasan Sungei Besi pada bulan April dan Mei, masing-masing.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, perakuan-perakuan yang dibuat oleh Lembaga Penasihat itu adalah rahsia. Oleh yang demikian, butir-butir

yang dikehendaki itu tidaklah dapat diberikan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri insaf bahawa tahanan berterusan atau continued detention kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu telah dipandang oleh sebahagian besar rakyat di negara kita sebagai satu langkah tidak demokratik dan kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu dijadikan sebagai apa yang dikatakan dalam bahasa Inggeris "scapegoat" dan jika beliau sedar adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula kes-kes mereka itu?

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Itu soalan lain.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa jika dirujuk kepada dua orang berkenaan yang di bawah tahanan itu menunjukkan bahawa pihak Kerajaan adalah adil dalam melaksanakan undang-undang tanpa mengira sama ada seseorang itu Wakil Rakyat ataupun sebaliknya?

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Ya. (Ketawa).

PERKHIDMATAN TELEFON DI BANDAR SEMPORNA

16. **Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos adakah beliau sedar bahawa perkhidmatan telefon di Bandar Semporna masih lagi tidak memuaskan, bukan sahaja sukar hendak berhubung antara bandar itu dan bandar lain tetapi juga setempat. Jika ya, bilakah agaknya perkhidmatan telefon itu dapat dibaiki.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar pada masa ini perkhidmatan telefon di Bandar Semporna tidak begitu memuaskan. Keadaan yang tidak memuaskan ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Peralatan yang digunakan di Ibusawat telefon sekarang iaitu 200 talian adalah peralatan jenis lama dan seringkali mengalami kesesakan ketika menyambung panggilan-panggilan.

- (ii) 9 litar-litar cawang yang menghubungkan Ibusawat Semporna ke Ibusawat besar di Tawau adalah tidak mencukupi.

Jabatan Telekom sedang berusaha untuk memperbaiki perkhidmatan telefon di Bandar Semporna dengan menggantikan Ibusawat lama dengan Ibusawat baru jenis Kabin bermuatan 1,000 talian dan menggunakan sistem hubungan radio yang mempunyai 60 saluran di antara Semporna dan Tawau. Kerja-kerja ini dijangka dapat disiapkan pada pertengahan tahun 1980. Dengan terlaksananya kerja-kerja ini nanti adalah diharapkan perkhidmatan telefon di Bandar Semporna akan bertambah baik.

AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN

17. **Tuan Lee Kaw** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada penukaran atau pembetulan terhadap Akta Penyelarasan Perindustrian telah selesai dibuat dan jika ya, berikan suatu ringkasan tentang penukaran ini; dan apa cara penukaran ini boleh memajukan dan mempengaruhi pelaburan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) 1979 telah dibentang dan sedang dibahaskan di Dewan yang mulia ini. Butir-butir mengenai pindaan dan implikasinya terhadap kemajuan perindustrian dan pelaburan telah dihuraikan di dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian semasa membentangkan Rang Undang-undang tersebut. Oleh itu, saya tidak bercadang memberi apa-apa tambahan terhadap huraian yang telah dibuat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat P. Patto.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No. 18.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Keluang ambil semua soalan sekali?

Tuan Lee Kaw: Sebab tidak ada orangnya.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah!

TUNGGAKAN GAJI GURU-GURU DI SABAH

18. **Tuan Lee Kaw** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab terdapat kelambatan dalam pembayaran tunggakan gaji kepada beberapa orang guru-guru di Sabah akibat pelaksanaan Laporan Jawatankuasa Kabinet dan sama ada kelambatan itu disebabkan ketidakcekapan pihak Jabatan Pelajaran Sabah dan nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk membayar tunggakan gaji kepada guru-guru yang terlibat.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar terdapat sedikit kelambatan dalam pembayaran tunggakan gaji kepada beberapa orang guru-guru di Sabah berikutan dari pelaksanaan Laporan Gaji Kabinet. Kelambatan itu bukanlah kerana kurangnya kecekapan pihak Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, tetapi ini adalah kerana sebab-sebab teknikal dan perundangan berikutan dari peralihan kuasa melantik daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam negeri Sabah kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia. Umpamanya, guru-guru yang berkenaan ini sepatutnya mendapat surat peralihan dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah di dalam tempoh peralihan kuasa itu. Tetapi telah tertangguh untuk mendapatnya kerana perakuan-perakuan baru mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia perlu disediakan. Tentulah di dalam tempoh peralihan ini pihak-pihak yang terlibat memerlukan sesuatu jangka masa yang sesuai bagi menyelaraskan proses pertukaran perkhidmatan guru-guru yang melibatkan pembayaran tunggakan itu. Walau bagaimanapun, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah telah berjaya menyelesaikan pembayaran tunggakan bagi 4,173 guru-guru sehingga 8hb Jun, 1979. Jumlah yang di dalam proses ialah 1,313 orang, daripada jumlah ini sebanyak 928 kes telahpun dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri Sabah untuk pembayaran. Manakala baucar-baucar pembayaran 385 orang lagi sedang disediakan oleh Jabatan Pelajaran Sabah.

Sebagai langkah-langkah untuk mempercepatkan pembayaran tunggakan itu, Jabatan Pelajaran Sabah dan Kementerian Pelajaran akan mengambil tindakan berikut:

- (i) Menyusun dan memperkemaskan lagi Pasukan Petugas Khas yang telah ditubuhkan semenjak Perlaksanaan Laporan Gaji Kabinet untuk menyelesaikan masalah tunggakan itu.
- (ii) Alat-alat seranta dan pekeliling Jabatan akan digunakan untuk menyampaikan arahan-arahan dan mendapatkan maklumat-maklumat yang perlu untuk mempercepatkan pembayaran itu.
- (iii) Adalah dijangkakan segala pembayaran tunggakan akan diselesaikan dalam tempoh 3 hingga 6 bulan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 19 hingga 34 adalah diberi di bawah ini).

NILAI BERAT KARGO MELALUI PELABUHAN

19. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah nilai dan berat kargo yang dieksport dari Semenanjung Malaysia untuk tahun 1970, 1974, 1977 dan 1978;
- (b) jumlah nilai dan berat kargo yang dieksportkan melalui Pelabuhan Pulau Pinang untuk tahun 1970, 1974, 1977 dan 1978 termasuk pengeksportan semula (re-eksport).

Tan Sri V. Manickavasagam:

- (a) Jumlah nilai dan berat kargo yang dieksport melalui semua Pelabuhan di Semenanjung Malaysia ialah:

	<i>Nilai</i>	<i>Berat</i>
1970 \$ 4,192.1 juta	9.15 juta tan
1974 \$ 8,437.5 juta	5.48 juta tan
1977 \$11,230.9 juta	8.12 juta tan
1978 \$13,715.8 juta	9.35 juta tan metrik

(b) Jumlah nilai dan berat kargo yang dieksport termasuk pengeksporan semula melalui Pelabuhan Pulau Pinang ialah:

Nilai	Berat
1970 \$1,702.7 juta	1.12 juta tan
1974 \$2,981.3 juta	1.20 juta tan
1977 \$3,155.9 juta	1.46 juta tan
1978 \$3,792.0 juta	2.01 juta tan metrik

BEKALAN AIR/LETRIK DI KAWASAN SETINGGAN

20. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Wilayah Persekutuan berapa lamakah yang diperlukan untuk memproses dan meluluskan sesuatu permohonan bekalan air dan letrik di dalam kawasan-kawasan setingan di Wilayah Persekutuan?

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad):

- (a) Perkara meluluskan permohonan bekalan air tidak timbul kerana bekalan air ke kawasan-kawasan setingan adalah dibuat berasaskan kepada peruntukan yang telah disediakan dan bukan diasaskan kepada permohonan-permohonan berseendirian.
- (b) Bagi permohonan bekalan letrik pula, Dewan Bandaraya tidak berkuasa memberi kelulusan. Dewan Bandaraya hanya menyokongnya dari segi teknikal. Kuasa memberi kelulusan adalah di bawah urusan pentadbiran Lembaga Letrik Negara.

PENAGIH DADAH DARI KALANGAN KAKITANGAN KERAJAAN

21. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bahawa hingga bulan Jun, 1979 ini, berapakah peratus penagih-penagih dadah yang ditangkap dan dihukum ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, polis dan askar, apakah tindakan akan diambil oleh Kerajaan

untuk menyasiat kenyataan Y.A.B. Menteri Besar Johor bahawa 30% penagih dadah di Johor adalah terdiri daripada Kakitangan Kerajaan, serta bilakah pusat pemulihan akan didirikan di Melaka dan lain-lain negeri yang masih ketiadaan yunit pemulihan dadah ini?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Mengikut rekod peratusan kakitangan Kerajaan yang telah ditangkap dan didenda atas kesalahan-kesalahan berhubung dengan dadah ialah seperti berikut:

Tahun	Peratusan daripada jumlah besar
1976	3.49%
1977	1.24%
1978	2.04%
1979 (Mei)	1.62%

Sayugia dimaklumkan bahawa Pusat Pemulihan Dadah di Tampoi bukan sahaja memulih penagih-penagih daripada Johor tetapi daripada semua negeri-negeri di negara kita ini. Oleh itu tidaklah tepat bagi kita mengatakan bahawa 30% penagih-penagih dadah di Johor adalah terdiri daripada kakitangan kerajaan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar bahawa masalah penyalahgunaan dadah di negara ini sedang kian bertambah serius. Oleh itu, bagi negeri Johor khususnya, Kerajaan sedang membina sebuah Pusat Pemulihan dadah yang baru di Muar yang apabila siap pada penghujung tahun 1980 nanti, akan dapat memulih 600 penagih tiap-tiap bulan. Adalah diharapkan Pusat Pemulihan Dadah di Muar ini akan dapat menyediakan kemudahan kepada penagih-penagih daripada negeri Melaka yang berhampiran. Kerajaan belum ada rancangan untuk membina Pusat Pemulihan dadah di Melaka.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang membina dua buah lagi pusat pemulihan, satu di Sungai Petani, Kedah dan Sepang, Selangor. Pusat di Sg. Petani akan menyediakan tempat bagi 600 penagih sementara di Sepang akan menampung 1,000 orang penagih.

PEGAWAI TINGKATAN TERTINGGI/ IKHTISAS

22. **Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikah pegawai-pegawai peringkat tinggi, pertengahan dan professional yang berkhidmat dengan Kerajaan sekarang ini; mengikut komposisi kaum rakyat negara ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat mengenai bilangan pegawai-pegawai peringkat tinggi dan ikhtisas yang berkhidmat dengan Kerajaan sekarang ini ada terdapat dalam buku yang bertajuk "SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PERSEKUTUAN MALAYSIA", yang dikeluarkan oleh Jabatan Percetakan Kerajaan pada tiap-tiap tahun. Keluaran terakhir buku tersebut bertarikh 1hb Januari, 1978. Oleh itu tidaklah perlu lagi saya menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat itu.

Mengenai kategori pegawai peringkat pertengahan pula, tarifnya adalah terlalu umum dan sukar untuk dipastikan maksudnya serta dijawab. Walau bagaimanapun, saya suka menyatakan bahawa pada masa ini Pusat Rekod Kakitangan Kerajaan, Jabatan Perkhidmatan Awam dengan menggunakan komputer sedang dalam proses memperolehi data-data mengenai kakitangan Kerajaan keseluruhannya.

JAWATANKUASA KABINET MENGENAI DASAR PELAJARAN

23. **Tuan Lee Kaw** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Jawatankuasa Kabinet mengenai pelajaran yang diketuai oleh Y.A.B. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyiapkan kajiannya, jika ya, bilakah laporan tersebut akan diumumkan dan sama ada laporan tersebut akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat untuk dibahaskan?

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kini telah menghabiskan kajiannya. Laporan Jawatankuasa ini adalah dalam peringkat penulisan. Oleh kerana Jawatankuasa ini

adalah Jawatankuasa yang dibentuk oleh Kabinet untuk keperluan Kabinet maka apabila selesai laporan ini nanti ia akan dikemukakan pula kepada Kabinet. Untuk pengetahuan Yang Berhormat kajian itu bukan kajian tentang dasar pelajaran tetapi kajian mengenai pelaksanaan dasar pelajaran.

Adalah dijangka bahawa laporan itu akan sedia dalam beberapa bulan sahaja lagi.

PEMBALAK DI KAWASAN BERKURUNG

24. **Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pembalakan dan pekerja-pekerja yang mencari kehidupan di kawasan-kawasan di bawah perintah berkurung di Raub dan Bentong telah menghadapi kesulitan untuk mendapat pembaharuan lesen dengan Polis di daerah-daerah tersebut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Setiap pembalakan dan pekerja-pekerja pembalakan di hutan kawasan berkurung hendaklah terlebih dahulu mendapatkan permit masuk daripada Ketua Polis Daerah kawasan-kawasan berkenaan.

Permit masuk boleh diberikan kepada pemohon sekiranya butir-butir lengkap mengenai pemohon dan butir-butir kawasan yang hendak dimasuki dapat diberikan kepada Ketua Polis Daerah berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya ada operasi-operasi dijalankan di kawasan-kawasan berkenaan maka kebenaran untuk memasuki ke kawasan-kawasan berikut tidak dapat diberi ataupun terpaksa ditangguh sehingga tamat operasi-operasi tersebut.

Sistem yang ada sekarang ini untuk pemohon atau membaharui permit masuk adalah sangat sesuai dan dijangka tidak akan menyusahkan mana-mana pihak pun.

PROGEM RADIO DAN TELEVISYEN

25. **Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Penerangan adakah beliau akan mengambil langkah-langkah untuk menyusun semula program-program dalam Radio dan Televisyen Malaysia memandangkan berbagai aduan yang dilemparkan. Dapatkah beliau memberi

perakuan kepada Dewan ini bahawa program-program itu akan dibahagi-bahagikan dengan adil untuk mencerminkan berbagai kaum dan berbagai agama di dalam negara ini.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Kementerian Penerangan sedar bahawa ada terdapat rasa tidak puashati dari segulungan kecil pendengar dan penuntun bersabit dengan rancangan-rancangan penerbitan TV dan radio. Semua stesyen radio dan TV di merata dunia adalah mengalami keadaan seperti ini, iaitu ada golongan kecil pendengar dan penuntun yang tidak berpuashati dengan rancangan-rancangan yang disiarkan melalui sesuatu stesyen.

Struktur rancangan-rancangan TV Malaysia serta kandungan rancangan-rancangan penerbitan RTM sendiri adalah dibentuk dengan tujuan mencerminkan keadaan masyarakat berbilang kaum. Kecapaian tujuan tersebut adalah dilaksanakan supaya langkah-langkah dan usaha yang diambil oleh pihak RTM dapat membantu Kerajaan mencapai tujuan perpaduan dan keselamatan negara.

KEKOSONGAN JAWATAN-JAWATAN

26. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan bilangan jawatan (i) Bahagian Satu (ii) Bahagian Dua yang kosong setakat 1-1-79 dan nyatakan secara berasingan jumlah daripada jawatan-jawatan ini yang tidak dipenuhi lebih dari satu, dua, tiga atau empat tahun; dan nyatakan langkah-langkah

yang telah diambil untuk mengisi jawatan-jawatan tersebut.

Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Saya suka maklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa klasifikasi-klasifikasi jawatan di bawah Laporan Gaji Kabinet adalah mengikut Kumpulan gaji iaitu Kumpulan 'A' dan 'B' dan tidak mengikut Bahagian I dan II. Sehingga penghujung tahun 1978, kekosongan jawatan di Jabatan-jabatan Persekutuan adalah seperti berikut:

Kumpulan 'A'	3,528
Kumpulan 'B'	2,762
Kumpulan 'C'	20,533
Kumpulan 'D'	12,944

Mengenai jawatan-jawatan seperti yang ditakrifkan oleh Ahli Yang Berhormat, sebagai Bahagian I dan II, yang tidak dapat dipenuhi lebih daripada 2, 3 atau 4 tahun, seperti Ahli Yang Berhormat sepatutnya sedia maklum di mana klasifikasi jawatan telah berubah dengan pelaksanaan Gaji Kabinet, perbandingan kekosongan jawatan mengikut kumpulan dari segi kekosongan yang berlaku bagi tempoh sebelum pelaksanaan Gaji Kabinet tidaklah dapat dilakukan. Mengikut Kumpulan Pekerjaan yang tersebut jumlah kekosongan yang dicatatkan pada akhir Disember dalam tahun-tahun 1973 hingga 1976 dan mengikut Kumpulan A hingga D bagi 1977 dan 1978 adalah seperti berikut:

K U M P U L A N J A W A T A N						
		<i>Pengurusan dan Ikhtisas</i>	<i>Kerja dan Separa Ikhtisas</i>	<i>Teknik dan Per- keranian</i>	<i>Perusa- haan dan Buruh Kasar</i>	JUMLAH
Disember 1973	1,210	2,638	6,684	3,486	14,063
Disember 1974	1,330	4,105	9,186	3,778	18,399
Disember 1975	1,726	5,500	8,964	6,340	22,530
Disember 1976	1,909	4,596	10,462	6,407	23,374
		A	B	C	D	JUMLAH
Disember 1977	2,572	3,388	23,744	18,608	48,312
Disember 1978	3,528	2,762	20,533	12,944	39,676

Berbagai usaha telah dilakukan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk mengisi kekosongan termasuk menambah bilangan lembaga-lembaga temuduga, perlantikan kontrak dan sementara. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telahpun menurunkan kuasa kepada Ketua-ketua Jabatan untuk melantik sendiri pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pekerja Rendah Pejabat dan Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar. Bagi mengisi kekosongan yang baru di dalam jawatan-jawatan Kumpulan C dan D, Kerajaan telah melancarkan usaha pengambilan khas tidak berapa lama lagi dengan cara penurunan kuasa kepada lembaga lembaga temuduga yang akan dinamakan "Operasi Isi Penuh".

RANCANGAN TV MALAYSIA

27. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada terdapat apa-apa rancangan untuk memperkenalkan rancangan-rancangan dalam bahasa Iban dan China untuk penuntun-penuntun televisyen di Sarawak dan rancangan-rancangan dalam bahasa Kadazan dan China untuk penuntun-penuntun televisyen di Sabah.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Salah satu daripada matlamat RTM adalah untuk menerangkan akan dasar-dasar dan rancangan Kerajaan kepada rakyat untuk memperkukuhkan lagi perpaduan dan keselamatan negara. Rancangan-rancangan TV Malaysia yang disiarkan adalah diterbitkan dengan tujuan supaya ia dinikmati oleh semua kaum. TV Malaysia berusaha supaya unsur-unsur semua kaum dicerminkan dalam rancangan-rancangannya. Oleh itu bukanlah menjadi dasar RTM membuat atau memperkenalkan sesuatu rancangan untuk satu kaum sepertimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat kerana rancangan yang disusun oleh R.T.M. adalah untuk semua kaum.

BAHAN BINAAN

28. **Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan oleh kerana memandangkan kekurangan bekalan bahan-bahan yang dialami oleh kontraktor-kontraktor bumiputra dan telah

menimbulkan berbagai-bagai kesulitan kepada mereka, adakah Kementerian ini bercadang hendak menjadikan bahan-bahan binaan ini sebagai barang-barang kawalan? Jika tidak, mengapa?

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Kementerian saya memang sentiasa mengikuti kedudukan bekalan barang-barang binaan di negara ini. Kebelakangan ini terdapat aduan-aduan tentang kekurangan bahan-bahan binaan tersebut seperti besi dan simen. Kekurangan bahan-bahan binaan tersebut bukan sahaja dialami oleh kontraktor-kontraktor bumiputra tetapi juga oleh semua kontraktor-kontraktor. Sebab-sebab kekurangan ini berlaku dan juga tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasinya telahpun dijelaskan oleh Y.B. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka pada 20hb Jun, 1979 di Dewan Yang Mulia ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, Kerajaan telah mengisytiharkan 19 jenis barang-barang keperluan sebagai barang kawalan di bawah Akta kawalan Belakan, 1961 dengan tujuan untuk mengadakan bekalan yang cukup dan 2 jenis bahan-bahan binaan iaitu besi dan simen adalah termasuk di dalam senarai barang-barang kawalan tersebut.

HASIL DARIPADA SABAH DAN SARAWAK

29. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah hasil yang dipungut tiap-tiap tahun dari Sabah dan Sarawak semenjak Hari Merdeka;
- (b) berapa jumlah wang yang telah diperuntukkan bagi tujuan pembangunan bagi tiap-tiap Negeri ini dan nyatakan bidang-bidang pembangunannya;
- (c) bilangan projek-projek persekutuan yang telah disiapkan dengan jayanya dalam kedua-dua Negeri ini dan bilangan yang belum disiapkan serta sebab-sebabnya.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):

(a) Jumlah hasil yang dipungut tiap-tiap tahun dari Negeri-negeri Sabah dan Sarawak semenjak tahun 1964 hingga 1978 adalah seperti berikut:

		(Dalam Juta \$)	
		<i>Sabah</i>	<i>Sarawak</i>
		\$	\$
1964	57.6	59.3	
1965	67.3	68.3	
1966	79.9	77.7	
1967	108.0	83.6	
1968	107.1	86.8	
1969	110.0	91.1	
1970	131.7	103.3	
1971	147.8	103.5	
1972	156.1	99.2	
1973	190.1	126.1	
1974	273.6	192.2	
1975	269.4	173.4	
1976	324.6	216.8	
1977	388.2	266.0	
1978	343.9*	218.8*	
Jumlah ..	\$2,755.2	\$1,966.1	

* Belum muktamat kerana ada lagi akaun-akaun yang belum siap diperoses.

(b) Jumlah peruntukan untuk tujuan pembangunan yang telah diberikan kepada Negeri-negeri Sabah dan Sarawak dari tahun 1964 hingga 1978 adalah seperti berikut:

		(Dalam Juta \$)	
		<i>Sabah</i>	<i>Sarawak</i>
		\$	\$
1964	27.5	61.7	
1965	55.1	74.5	

		<i>Sabah</i>	<i>Sarawak</i>
1966	59.0	87.0	
1967	54.1	79.7	
1968	65.7	82.1	
1969	54.7	86.8	
1970	63.3	70.4	
1971	89.3	68.1	
1972	76.4	85.4	
1973	101.0	113.7	
1974	142.6	155.7	
1975	146.8	192.3	
1976	165.5	174.2	
1977	178.4	246.9	
1978	283.8*	225.1*	
Jumlah ..	\$1,563.2	\$1,803.6	

* Belum muktamat kerana ada lagi akaun-akaun yang belum siap diperoses.

(c) Sejumlah 121 projek telah disiapkan dan 390 projek belum disiapkan di Negeri Sabah. Di Negeri Sarawak pula projek yang telah disiapkan ialah 82 manakala 234 belum disiapkan.

Sebab-sebab utama bagi kelewatan projek-projek ini disiapkan ialah kerana masalah pengambilan balik tanah, kontraktor-kontraktor yang tidak cekap; kelambatan mendapat bahan-bahan pembinaan untuk projek-projek kesihatan, sekolah dan taliair. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan memang memandang berat terhadap kelewatan-kelewatan ini dan sedang berusaha untuk mempercepatkan penyiapan projek-projek ini.

PEGAWAI KERAJAAN KETURUNAN DAYAK

30. Tuan Lee Kaw minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pegawai-pegawai kerajaan keturunan Dayak yang berkhidmat dengan Kerajaan Persekutuan dengan memberikan perpecahan mengikut tingkatan tertinggi, Bahagian Satu, Bahagian Dua, Bahagian Tiga dan Bahagian Empat.

Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Jumlah pegawai-pegawai kerajaan keturunan Dayak yang berkhidmat dengan Kerajaan Persekutuan pada 31hb Mei, 1979 adalah seramai 8,954 orang, Pecahan bilangan mengikut kumpulan adalah seperti berikut:

- | | |
|---|------------|
| (a) Kumpulan 'A' dalam Tingkatan tertinggi .. | 11 pegawai |
| (b) Kumpulan 'A' .. | 123 " |
| (c) Kumpulan 'B' .. | 289 " |
| (d) Kumpulan 'C' .. | 4,193 " |
| (e) Kumpulan 'D' .. | 4,338 " |

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa klasifikasi jawatan-jawatan di bawah Laporan Gaji Kabinet, tidak lagi mengikut Bahagian I, II, III dan IV, tetapi mengikut kumpulan gaji iaitu Kumpulan A, B, C dan D.

KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN

31. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan kekurangan tempat-tempat di Universiti adakah Kerajaan menimbang meninggikan taraf di Kolej Tunku Abdul Rahman ke peringkat Universiti? Jika tidak, kenapa?

Dato' Musa bin Hitam: Kolej Tunku Abdul Rahman telah ditubuhkan khusus untuk mengeluarkan tenaga kerja di peringkat separa ikhtisas, terutamanya di bidang perniagaan, sains dan teknologi, untuk menampung keperluan negara. Negara masih lagi mengalami kekurangan tenaga terlatih di dalam peringkat ini. Oleh itu, Kerajaan tidak berniat untuk menaikkan taraf Kolej Tunku Abdul Rahman sebagai sebuah Universiti.

PULAU BAGI PENDATANG HARAM VIETNAM

32. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan salah sebuah pulau di negara ini, sebagai pusat pemulihan pendatang haram, yang membanjiri negara ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kerajaan tidak bercadang menjadikan

salah sebuah pulau di negara ini sebagai pusat pemulihan pendatang-pendatang haram Vietnam.

MAKTAB PERGURUAN DI PERLIS

33. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tidak ada maktab latihan guru di Perlis sementara di Negeri-negeri lain terdapat sehingga empat buah maktab seperti itu dan jika ya, sama ada Kementerian bercadang membina sebuah maktab seperti itu di Perlis, dan jika ya, bila.

Dato' Musa bin Hitam: Ya. Saya sedar bahawa pada masa ini tidak ada Maktab Perguruan di Perlis. Pembinaan maktab perguruan adalah bergantung kepada keperluan. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga ada cuma sebuah maktab sahaja yang dibina di negeri yang belum ada maktab perguruan, iaitu di Sungai Petani, Kedah. Ini adalah untuk menggantikan maktab perguruan sementara yang bertempat di Jalan Northam, Pulau Pinang. Dalam Rancangan Malaysia Keempat belum dapat dijangka sama ada Kementerian saya akan membina sebuah maktab perguruan di Perlis.

PENDATANG-PENDATANG HARAM MEROMPAK

34. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bagaimanakah kejadian yang dikatakan "pendatang-pendatang haram bersenjata merompak nelayan-nelayan" di perairan Negeri Trengganu pada awal Mei 1979, dan dalam kejadian yang lain nelayan kita ditikam dan dipukul. Apakah sebabnya yang berlaku demikian dan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan termasuk tindakan baru bagi menghadapi masalah pendatang haram Vietnam yang satu demi satu menimbulkan masalah kepada negara-negara dan rakyat?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kejadian rompakan ke atas nelayan-nelayan oleh Pendatang Haram Vietnam di perairan negeri Trengganu adalah masih dalam siasatan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENYELARASAN PERINDUSTRIAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (21hb Jun, 1979).

Tuan Yang di-Pertua: Perbahasan atas Rang Undang-undang ini sekarang ini diteruskan. Ahli Yang Berhormat dari Raub.

3.36 ptg.

Tuan Tan Koon Swan (Raub): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang bertujuan untuk memindaan Akta Penyelarasan Perindustrian. Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah perlu bagi menghapuskan keadaan-keadaan tidak senang dan tidak pasti yang dialami oleh sektor perkilangan semenjak pelaksanaan Akta Penyelarasan Perindustrian. Pindaan-pindaan ini juga dikehendaki untuk menghindarkan ketakutan-ketakutan para pelabur yang berasa bimbang terhadap tujuan-tujuan Akta itu. Pindaan-pindaan sangatlah mustahak jika kita ingin memberikan sokongan dan kepercayaan kepada rombongan-rombongan perdagangan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk menarik pelaburan asing ke negeri ini.

Memandangkan kadar pengangguran yang kini makin bertambah dalam negeri ini perlu untuk kita memberikan sokongan penuh kepada Kerajaan di atas sebarang langkah atau tindakan yang dapat menghasilkan lebih banyak pelaburan dalam negeri ini supaya lebih banyak peluang kerja dapat diwujudkan untuk rakyat yang menganggur. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai Lembaga Kemajuan Perusahaan Malaysia (MIDA) dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang saya percaya pada tahun-tahun yang lalu telah berusaha sedaya upaya untuk memajukan perindustrian dan menggalakkan pelaburan asing dalam negeri ini, menggunakan apa pengukuran juga

mereka telah menjalankan tugas mereka dengan gemilang.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, satu soalan masih tinggal. Adakah pindaan-pindaan kepada Akta Penyelarasan Perindustrian dengan sendirinya mencukupi untuk menarik pelaburan yang begitu mustahak untuk mencapai matlamat-matlamat nasional? Apakah yang mewujudkan iklim pelaburan yang baik? Dua faktor yang penting, barangkali lebih penting daripada sebarang pindaan kepada Akta Penyelarasan Perindustrian ataupun pemberian galakkan-galakkan untuk mendorong pelaburan dalam negeri, ialah memelihara kesetabilan politik dan imej nasional kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mencuba menyeleweng dari perkara utama tetapi saya ingin memberi dua contoh bagaimanakah kesetabilan politik dan imej nasional yang telah menghasilkan kesan-kesan yang kurang sihat kepada iklim pelaburan di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, tidak mencukupi bagi kesetabilan politik dilihat sahaja ianya mesti dirasai. Walaupun Malaysia telah mengalami nama baik sebagai negara yang setabil dari segi politik di kawasan ini, terdapat beberapa sifat yang mengganggu dalam scenerio sosio-ekonomi yang mewujudkan ketakutan dan kebimbangan yang melemahkan sedikit demi kesetabilan dan keamanan yang kita menikmati sehingga masa ini.

Satu daripada sifat itu dengan kesalnya mempersoalkan kepercayaan dan keikhlasan Kerajaan sendiri. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah membuat jaminan selepas pilihanraya bahawa ia akan berpegang teguh kepada manifesto pilihanraya untuk mengadakan keamanan, kemakmuran, keadilan sosial dan kehidupan yang lebih baik bagi semua rakyat dan bahawa negara ini dipunyai oleh semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa mereka. Kebahagiaan masa hadapan negara kita adalah kewajipan kita semua. Lebih-lebih lagi tidak lama dahulu Yang Berhormat Menteri Pelajaran juga memberi jaminan di Dewan yang mulia ini bahawa nisbah pengambilan penuntut-penuntut bagi tahun-tahun akan datang akan lebih mencerminkan Komposisi bangsa negara kita. Walau bagaimanapun pengumuman mengenai perkara ini yang dikeluarkan oleh

Yang Berhormat Menteri Pelajaran baharu-baharu ini sangat mengecewakan. Ia merupakan satu janji yang dipecahkan yang mengujudkan jurang kepercayaan. Jurang kepercayaan yang diujudkan ini memang akan mempunyai kesan yang buruk kepada iklim pelaburan pada masa ianya mula-mula menjadi baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa satu lagi faktor penting yang mendatangkan kesan besar di atas pelaburan asing dalam negeri ini ialah imej nasional kita. Dengan imej nasional, maksud saya ialah sebagaimana kita dipandang oleh seluruh dunia sebagai negara, ini tidak mustahak jika ekonomi kita tidak bergantung kepada negeri-negeri luar. Tetapi pada masa ini di mana kita menghantar rombongan-rombongan perdagangan ke beberapa banyak negeri-negeri luar supaya menarik pelaburan, ini sangat mustahak. Imej nasional yang baik hanya dapat diujudkan sekiranya kita tetap (consistent) dalam tindakan dan kelakuan kita. Tekanan ialah ketetapan (consistency).

Tuan Yang di-Pertua, sementara saya menyokong penuh pendirian yang diambil oleh Kerajaan terhadap masalah pendatang-pendatang haram, saya bertanya kepada diri saya sendiri sama ada ianya boleh diatasi melalui cara-cara lain yang lebih sesuai kepada kedudukan nama baik kita antarabangsa. Masalah pendatang-pendatang haram adalah satu krisis antarabangsa dan sepatutnya diuruskan oleh Wakil Tetap kita di Bangsa-bangsa Bersatu. Janganlah kita membuat apa-apa yang boleh meniadakan (negate) usaha-usaha rombongan-rombongan perdagangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya kembali kepada Akta Penyelarasan Perindustrian, saya memerhatikan bahawa Fasal 7 Rang Undang-undang bertujuan menubuhkan satu Majlis Penasihat Perindustrian yang tugasnya ialah untuk menasihati Menteri-menteri atas perkara-perkara berkenaan dengan Akta ini. Majlis ini akan meliputi perwakilan dari sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, sementara penubuhan Majlis itu dialu-alukan ia hanya merupakan satu "Morpiko" untuk menye-nangkan perasaan-perasaan bimbang di

sektor perindustrian dan pengilangan atas pelaksanaan Akta itu. Walau bagaimanapun saya berharap Kerajaan akan memberikan erti yang benar kepada penubuhan Majlis itu dan akan menganugerahkan kuasa yang mencukupi kepada Majlis ini supaya ia akan meimbangkan (act as a check and balance) kuasa-kuasa pegawai pelesen yang hampir-hampir tidak terhad.

Tuan Yang di-Pertua, saya memerhatikan dengan sesalnya bahawa pindaan-pindaan tidak termasuk rayuan yang saya suarakan di Dewan ini pada masa yang lepas. Saya berasa bahawa sementara tujuan Akta ini dikehendaki untuk menyelaraskan perkembangan aktiviti-aktiviti perindustrian. Kawalannya tidak semestinya dilanjutkan untuk meliputi operasi-operasi kecil dan sederhana yang mempunyai tabung ahli-ahli yang tidak melebihi \$3 juta. Saya membuat rayuan ini kerana saya rasa operasi-operasi yang biasa dikawal oleh keluarga dan cara-cara mereka menjalankan operasi-operasi mereka tidak akan meminatkan sesiapa pun untuk mengadakan usaha bersama dalam konteks Dasar Ekonomi Baharu.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini ada peruntukan bagi mengecualikan operasi perindustrian yang mempunyai tabung ahli-ahli yang kurang daripada \$500,000 dari kawalan Akta. Paras \$500,000 ini kecil sangat. Seekar tanah kilang di Petaling Jaya atau sebuah mesin cetak 'offset' pada hari ini akan berharga lebih daripadanya. Kawalan operasi-operasi kecil tidak memenuhi kehendak-kehendak atau tujuan-tujuan Akta ini. Sebaliknya ia akan mengeciwakan industri itu dan memburukkan iklim pelaburan pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, industri-industri kecil telah memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan dan perkembangan ekonomi kita. Pertumbuhan dan perkembangan industri-industri ini sangat mustahak. Mereka telah memainkan peranan menanggung (supporting role) kepada industri-industri yang lebih sophisticated. Halangan-halangan kepada perkembangan industri-industri kecil akan menghasilkan kesan yang kurang sihat dengan cara tidak langsung ke atas pertumbuhan yang teratur di sektor perindustrian pada keseluruhannya. Oleh yang demikian,

biarlah kita menggalakkan industri-industri kecil terus berkembang. Kita telah pergi ke merata-rata tempat di dunia untuk mencari pelaburan tetapi apa yang boleh memastikan kejayaan ialah perkembangan ke atas apa yang kita telah mempunyai di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa pengecualian dari kawalan Akta ini dibuat melalui perintah Menteri di bawah kuasa yang diberikan kepada Menteri dan dengan demikian pindaan tidak perlu untuk meliputi rayuan saya. Walau bagaimanapun, saya ingin merayu sekali lagi supaya apabila pindaan mula dikuatkuasakan satu perintah akan dibuat untuk memberi pertimbangan yang lebih baik kepada rayuan saya. Tertakluk kepada ulasan-ulasan tersebut, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan-pindaan kepada Akta itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

3.50 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang meminda Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 ini saya menyokong penuh tentang bahagian 7 iaitu dengan tujuan melantik satu badan Majlis Penasihat Perindustrian yang sudah tentu akan menentukan bahawa penyelarasan perindustrian ini benar-benar akan memberi kesan terhadap pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kita, kerana dengan adanya penasihat-penasihat seperti ini apa-apa yang tidak memberi keuntungan di dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru mungkin dapat diperbetulkan, kerana dengan adanya sesuatu undang-undang atau pindaan itu tanpa penelitian di dalam pelaksanaannya sudah tentu undang-undang itu akan tinggal sebagai satu undang-undang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian di dalam peranan industri ataupun pelaburan-pelaburan yang datang ke negara kita ini di dalam memberi galakan kepada Bumiputra dalam perniagaan. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa banyak industri-industri yang telah ditubuhkan dan pelaburan-pelaburan yang datang ke negara kita mencurahkan, tetapi apakah dengan

kedatangan semua pelaburan-pelaburan dan juga industri-industri yang seperti ini akan memberi galakan atau memberi faedah kepada Bumiputra di dalam perniagaan dan untuk memberi sumbangan sama di dalam perkembangan Dasar Ekonomi Baru kita.

Ini menjadikan hasrat Dasar Ekonomi Baru kita untuk memberi matlamat 30% ataupun lebih lagi tidak akan tercapai kalau sekiranya galakan-galakan daripada industri-industri dan juga galakan daripada Kementerian yang berkenaan ini bagi memberi tempat yang lebih atau yang istimewa kepada Bumiputra di dalam perniagaan. Ini tentulah dengan sendirinya kita nampak bahawa di dalam perniagaan sekarang ini boleh dikatakan monopolinya kepada bukan Bumiputra. Sebagaimana yang kita tahu bahawa di dalam agen-agen ataupun pengedar-pengedar juga di dalam jualan-jualan borong (wholesaler) yang kita dapati sebahagian besarnya tidak tergolong daripada Bumiputra. Kebanyakan ini dimonopoli oleh bukan Bumiputra.

Jadi akhirnya hasrat Kerajaan untuk memberi kepada Bumiputra kedudukan yang baik di dalam perniagaan ini tidak akan tercapai, kerana segala keuntungan yang sepatutnya dapat sampai kepada Bumiputra akan hanya terkumpul kepada agen-agen atau pengedar-pengedar ataupun wholesaler yang ada di merata-rata tempat baik di bandar-bandar besar mahupun di bandar-bandar kecil. Misalnya, di tempat saya sendiri tidak ada satu pun wholesaler daripada orang-orang Bumiputra. Walaupun saya tahu perkara ini akan dijawab oleh Timbalan Menteri kadang-kadang mengatakan bahawa tuduhan saya ini tidak benar, kerana pernah saya bangkitkan di dalam Dewan ini beberapa kali. Misalnya, saya membangkitkan agen-agen rokok yang tidak dapat kerjasama daripada pihak-pihak pengedar atau industri yang mengeluarkan rokok atau pihak-pihak yang mengeluarkan rokok. Tetapi ini dia tidak menidakkan tanpa sebab-sebab yang boleh diterima, mungkin tanpa kajian-kajian yang sepatutnya. Kalau hendak menjawab "tidak" sahaja, saya rasa tidak sesuai dengan keadaan sekarang, kerana bukti-bukti saya sebagai seorang Wakil Rakyat saya boleh memberi bukti-bukti seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kalau sekiranya wholesaler ataupun agen-agen penjual ini tidak di dalam tangan Bumiputra, sudah tentu penjual-penjual atau peniaga-peniaga Bumiputra akan ditindas ataupun tidak akan mendapat keuntungan yang lebih, setidaknya tidaknya kedainya tidak akan maju. Sebagai satu contoh saya berikan misalnya, kalau kita dapat membeli gula sebanyak 10 kati daripada sebuah kedai Bumiputra, kita hanya akan mendapat lebih 10 sen ataupun 20 sen daripada kedai-kedai bukan Bumiputra. Ini menunjukkan bahawa kedai bukan Bumiputra itu mendapat barang daripada wholesaler ataupun daripada pengedar-pengedarnya lebih murah daripada Bumiputra. Kadang-kadang ada sebuah kedai, kalau saya kata: macam mana saya boleh beli gula dengan harga \$6.30 sebanyak 10 kati di sebuah kedai seorang bukan Bumiputra. Jawabnya: saya beli daripada wholesaler dengan harga yang sama iaitu \$6.30; macam mana saya boleh jual dengan harga \$6.30; atau setidaknya tidaknya dia beli dengan harga kurang 10 sen ataupun \$6.20 tetapi kepada bukan Bumiputra di kedai-kedai runcit atau peniaga bukan Bumiputra dapat membeli barang itu dengan harga \$6.00 atau \$6.10.

Inilah yang saya katakan bahawa wholesaler dan agen-agen penjual ini sepatutnya diberi keutamaan kepada Bumiputra, barulah Kerajaan dapat memberi kemudahan di dalam perniagaan kepada Bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga akan terlibat dengan barang-barang import dan eksport daripada luar negeri. Kita jarang kedengaran Bumiputra akan mendapat tempat di dalam keadaan perniagaan import-eksport ini. Kalau yang ada, hanya daripada PERNAS. Saya rasa saya akan sentuh keadaan PERNAS selepas ini. Sebenarnya sebagaimana yang saya kata tadi yang penting di dalam menggalakkan Bumiputra di dalam perniagaan ini daripada industri-industri yang begitu bertambah di negara kita hanyalah kerjasama yang jujur dan ikhlas daripada bukan Bumiputra. Kalau bukan Bumiputra banyak menyuarakan di dalam Dewan ini tidak puas hati tentang dasar itu dan dasar ini, misalnya dasar-dasar pelajaran, dasar-dasar ekonomi yang memberi kepentingan kepada Bumiputra tetapi

sebenarnya keuntungan yang didapati daripada Dasar Ekonomi Baru itu adalah lebih kepada bukan Bumiputra.

Sebagaimana yang kita tahu daripada Kajian Separuh Penggal baru-baru ini bahawa pendapatan bukan Bumiputra sekali ganda lebih daripada apa yang dicapai oleh Bumiputra. Ini pendapatan per kapita. Inilah harus diperhatikan di dalam menggalakkan Bumiputra khasnya mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru sebagaimana yang dikatakan 30% yang akan diberi kepada Bumiputra.

Jadi sekali lagi saya menegaskan di dalam penjualan wholesaler, di dalam agen-agen penjual atau pengedar dan juga di dalam import-import barang-barang ini harus diutamakan kepada Bumiputra kalau sekiranya Kerajaan hendak berjaya di dalam perniagaan Bumiputra atau memberi tempat Bumiputra di dalam perniagaan. Kalau tidak hanya Bumiputra akan menerima akibat yang tidak dapat menandingi peniaga-peniaga daripada bukan Bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu kadang-kadang mereka menyebut bahawa Bumiputra ada PERNAS. Misalnya di dalam mengedar barang-barang wholesaler ini mungkin pihak Timbalan Menteri juga akan menyebut bahawa adanya PERNAS-EDAR di kampung-kampung. Tetapi PERNAS-EDAR ini dasar pegawainya adakah dasar makan gaji, bukan dasar perniagaan dan yang paling malangnya ialah bekalan yang diterima oleh PERNAS-EDAR ini selain daripada tidak mencukupi tetapi barang-barang itu barang-barang lama. Misalnya kalau biskut yang diterima kualitinya rendah. Kalau sekiranya susu, capnya sama dengan Cap Junjung tetapi ianya lebih pekat daripada Cap Junjung yang kita beli daripada wholesaler yang ada di kedai. Inilah yang dikatakan bekalan yang disediakan oleh industri-industri ini kepada PERNAS-EDAR ini adalah barang-barang lama. Mungkin barang-barang ini di setor terlampau lama, maka susunya terlampau pekat. Ini juga akan mengakibatkan kepada rakyat kalau menggunakan PERNAS-EDAR ini, akan menggunakan barang-barang lama dan susu-susu yang sudah tidak ada berzat lagi, kalau sekiranya susu Cap Junjung itu begitu pekat, tidak boleh dituang langsung.

Ini adalah berdasarkan pengalaman saya sendiri. Kalau sekiranya ada orang yang menidakkan, saya boleh membuktikan perkara ini. Jadi kalau Kerajaan mengatakan PERNAS-EDAR yang memberi pertolongan kepada orang-orang bumiputra di dalam perniagaan, saya menyatakan tidak berjaya, kalau sekiranya PERNAS-EDAR tidak diawasi dengan betul-betul di dalam pembekalan barang-barang bukan sahaja hendak membekal barang-barang baharu tetapi biarlah barang-barang itu mencukupi, barulah PERNAS-EDAR akan berjaya.

Sebagaimana yang saya sebutkan beberapa perkara di atas tadi, iaitu tentang wholesaler, agen-agen atau import-import jadi saya mencadangkan kepada pihak Kementerian akan mengambil tindakan tegas ataupun setidak-tidaknya membuat penyiasatan apakah kenyataan saya ini benar atau tidak.

Saya mencadangkan supaya apa yang saya sebutkan tadi diutamakan kepada Bumiputra kalau sekiranya matlamat Kerajaan dalam Dasar Ekonomi Baru hendak dicapai. Kalau tidak, perkara ini akan tinggal hanya dalam angan-angannya sahaja.

Jadi, sekali lagi saya menyatakan saya menyokong Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) ini dan berharap Undang-undang ini akan memberi manfaat kepada rakyat terutama rakyat di luar bandar yang akan menikmati segala-gala kemudahan yang dihasilkan dari industri yang banyak ini, terutamanya di dalam lapangan perniagaan yang kecil-kecil atau runcit yang dapat dibeli dengan barang yang murah dan dapat dijual dengan harga yang murah. Bukan melalui orang tengah yang boleh mengeksploitasikan keadaan itu yang akan tidak memberi keuntungan kepada pihak yang sebenarnya berkehendakkan kepada sesuatu pembelaan di dalam masyarakat kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson.

4.02 ptg.

Tuan Au How Cheong (Teluk Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang bertujuan untuk meminda Akta Penyelarasan Perindustrian 1975.

Rang Undang-undang ini telahpun diberi publisiti yang luas dalam surat-surat khabar kita dan adalah dibuktikan bahawa pindaan ini dialu-alukan dengan baik pada keseluruhannya. Sektor swasta tentulah berterima kasih kepada Kerajaan kerana rayuan mereka iaitu menubuhkan sebuah Majlis Penasihat Perindustrian telah dapat ditimbang. Apa yang sangat-sangat dialu-alukan ialah sekarang rayuan-rayuan boleh dibuat kepada Menteri oleh seseorang yang terkilan. Ini menunjukkan Kerajaan benar-benar berhasrat untuk mewujudkan dan memperbaiki suasana perdagangan supaya perkembangan ekonomi negara dapat dimajukan dengan lebih licin.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa mencari keuntungan adalah pertimbangan utama bagi semua pelabur. Apa yang kurang difahami ialah Kerajaan tidak berhenti apabila objektif ekonomi itu dicapai. Kerajaan hendak menggunakan kegiatan-kegiatan ekonomi untuk mencapai objektif politik juga (to use economic activities to achieve a political objective) iaitu membetulkan keadaan ekonomi yang tidak seimbang sekarang dan menyusun semula masyarakat.

Saya mencadangkan lebih banyak perjumpaan patut diadakan di antara pelabur-pelabur swasta dan pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan supaya tujuan itu dapat dijelaskan dan dititikberatkan supaya pelabur-pelabur kita tidak berlengah-lengah lagi untuk menanam modal mereka.

Bagi mereka yang mematuhi syarat-syarat Kerajaan saya ingin mencadangkan juga insentif-insentif tertentu patut diberi, umpamanya, permohonan-permohonan mereka untuk mendirikan sebuah kilang dapat dipertimbangkan dan diberi keutamaan atau dengan segera. Bagi mereka yang mengambil bahagian dalam tender-tender Kerajaan pertimbangan istimewa diberi. Misalnya, jika harga-harga tender 5% ataupun 10% melebihi daripada tender yang rendah sekali tender-tender itu akan dapat ditimbang atau diterima juga. Buat sementara ini mereka yang mematuhi syarat-syarat Kerajaan tertentu tidak dapat apa-apa pertimbangan ataupun kemudahan istimewa. Saya berpendapat

mereka patut diberi sedikit sebanyak galakan untuk menolong Kerajaan mencapai tujuan-tujuan tertentu ataupun tujuan-tujuan yang penting itu.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap nasihat-nasihat Majlis Penasihat Perindustrian yang akan ditubuhkan itu akan benar-benar dapat dipertimbangkan dan badan yang baru itu tidak wujud for name sake only ataupun atas nama sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.07 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional yang telah memberi sokongan dan teguran-teguran yang membina ke atas Rang Undang-undang Pindaan Akta Penyelarasan Perindustrian 1979 dalam perbincangan bacaan kali yang kedua kelmarin dan hari ini. Sebaliknya saya tidaklah hairan terhadap reaksi Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling dan Kuala Lumpur Bandar dalam cuba mendapatkan pengaruh politik (political capital) dengan mengemukakan cadangan-cadangan untuk memansuhkan Akta ini dan juga penubuhan satu Jawatankuasa untuk menggubal semula Akta tersebut. Ahli Yang Berhormat dari Petaling malangnya dia tidak ada di sini, tentu ingat satu usul oleh rakan beliau iaitu Ahli Yang Berhormat dari Seremban, yang telah membentangkan satu Rang Undang-undang Persendirian bulan Disember tahun lepas, untuk tujuan memansuhkan ICA, yang telahpun ditolak oleh Dewan yang mulia ini. Ahli Yang Berhormat dari Petaling sekarang telah cuba menggunakan taktik yang sama bagi mengelirukan orang ramai supaya menerima tipu-helah Parti DAP dengan menyatakan bahawa ICA adalah penghalang utama kepada pembangunan ekonomi, terutamanya sektor pengilang di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang akan cuba menjawab satu persatu beberapa perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Berhubung dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mantin sukalah saya menjelaskan bahawa Ahli Majlis Penasihat Perindustrian sebenarnya terdiri daripada 7 orang wakil swasta, 7 wakil Kerajaan dan 2 orang ahli bebas dan seorang Pengerusi yang dilantik oleh Menteri, dan bukan 8 orang wakil Kerajaan dan 7 orang wakil swasta seperti disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Mengenai modal minima sebanyak \$250,000 bagi pengilang-pengilang yang diwajibkan mendapatkan lesen, sukalah dijelaskan bahawa jumlah \$250,000 ialah modal pemegang saham (shareholders' fund). Modal ini tidaklah termasuk modal pinjaman daripada bank-bank, institusi-institusi kewangan atau pinjaman-pinjaman daripada pembekal-pembekal alat-alat jentera dan lain-lain. Ini bererti pelaburan sebenar bagi kebanyakan syarikat adalah jauh lebih besar daripada modal pemegang saham sebanyak \$250,000.

Modal pemegang saham minima sebanyak \$250,000 juga diambil sebagai garis pembahagian kerana jumlah modal pemegang saham yang kurang daripada jumlah tersebut adalah dianggap sebagai industri kecil-kecilan atau "small scale industry" dan Kerajaan tidak berniat untuk menyusahkan kilang-kilang kecil. Pendapat Ahli Yang Berhormat dari Mantin yang menyatakan bahawa jumlah minima modal \$250,000 adalah terlalu rendah dan menyusahkan kilang-kilang kecil adalah tidak betul.

Mengikut definasi yang lazim diterima, "small-scale industry" ialah kilang yang mempunyai jumlah pelaburan ke atas tanah, bangunan, kilang dan jentera tidak melebihi \$250,000 atau yang mempunyai tenaga kerja bergaji sepenuh masa kurang dari 25 orang. Mengikut "census of Manufacturing Industry 1973", berasaskan definasi di atas, sejumlah 8,900 daripada 10,060 kilang adalah termasuk di bawah definasi tersebut. Jadi 80% daripada bilangan itu keluar daripada definasi yang digunakan di bawah Akta ICA ini. Jadi, seperti dijelaskan tadi, jumlah \$250,000 adalah jumlah modal pemegang saham di mana adalah lebih besar daripada definasi "small scale industry".

Sukalah juga saya menjelaskan bahawa Kementerian saya telah sebaliknya menerima

permohonan-permohonan lesen pengilang bagi syarikat yang mempunyai modal yang lebih kecil dari itu, sungguhpun mereka tidak diwajibkan mendapatkan lesen. Ini adalah kerana pelesenan itu akan memberi 'pengiktirafan' atau "status" dan juga kemudahan-kemudahan yang lazim diberi kepada pengilang-pengilang.

Oleh yang demikian, cadangan Ahli Yang Berhormat untuk menambahkan "share holders' fund" kepada \$500,000 tidak perlu oleh kerana sebahagian besar daripada "small scale industries" telah dikecualikan untuk pelesenan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat agar Kerajaan mengawasi pengaliran modal/keuntungan ke luar negeri, sukaiah dijelaskan bahawa Kerajaan tidak dapat memersetujui cadangan tersebut. Ini adalah kerana ianya akan memberi akibat yang tidak baik ke atas iklim pelaburan negara ini. Walau bagaimanapun Kerajaan sentiasa menggalakkan pelaburan semula keuntungan (reinvestment of profits) oleh pelabur-pelabur di negara ini.

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat juga kenapa rombongan pelaburan hanya dihantar ke negara-negara maju seperti Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun sahaja, dan tidak ke negara-negara Arab, sukaiah saya menjelaskan bahawa rombongan-rombongan pelaburan adalah ditumpukan ke negara-negara yang mempunyai teknologi dan juga peluang pasaran yang besar. Ini adalah kerana perkara utama bagi pembangunan perindustrian di negara ini ialah teknologi dan pasaran. Sungguhpun keutamaan diberi kepada negara-negara maju, ini tidak bererti bahawa negara-negara Arab tidak dapat perhatian daripada Kerajaan dari segi pelaburan. Sebenarnya, buat masa ini banyak modal yang telah mengalir dari negara-negara Arab ke Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar pula telah meminta Kerajaan menggiatkan lagi penempatan kilang di luar-luar bandar. Sukaiah dijelaskan di sini dan juga saya beberapa kali telah menjawab soalan dan telah memberi anggaran-anggaran bahawa semenjak tahun 1971 lebih daripada 60% projek-projek yang diluluskan adalah

ditempatkan di kawasan-kawasan luar bandar.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh pula telah membangkitkan perkara pemindahan teknologi (transfer of technology) kepada kilang-kilang Bumiputra.

Kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai perkara ini. Kementerian saya juga sentiasa meneliti syarikat-syarikat pengilang supaya orang tempatan diberi latihan yang sewajarnya untuk membolehkan mereka mempelajari teknologi asing. Mengenai pemindahan teknologi kepada Bumiputra pula, Kementerian saya melalui Pusat Daya Pengeluaran Negara (National Productivity Council) telah mengadakan rancangan-rancangan latihan kepada Bumiputra di peringkat pengurusan untuk membolehkan mereka mendapat kepakaran yang sesuainya.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah membangkitkan perkara mengenai peluang diberi kepada Bumiputra untuk mengedar keluaran kilang-kilang tempatan. Di sini sukaiah saya menyatakan bahawa memang sudah jadi dasar Kementerian saya untuk memberi seluas-luasnya peluang kepada kaum Bumiputra baik cara jual runcit atau jual borong supaya kaum Bumiputra boleh mengambil bahagian yang lebih giat lagi dalam pendedaran dan juga dalam kalangan pembuatan. Sebenarnya peraturan bilangan pengedar-pengedar kaum Bumiputra di banyak bidang pun telah meningkat setahun demi setahun dan saya rasa ini akan dapat berjaya apabila dasar ini diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kekurangan Pelaburan Modal Swasta (Private Capital Investment) yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling, sukaiah saya menjelaskan bahawa istilah for domestic or private capital investment ini adalah luas yang meliputi pelaburan dalam pembinaan (construction), perumahan (housing), perlombongan (mining), pertanian (agriculture), perhutanan (forestry). Dan Akta ini cuma adalah berkaitan dan pelaburan modal dalam sektor perkilangan (manufacturing sector) sahaja. Walau bagaimanapun kenyataan Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan shortfall yang didapati dalam pelaburan swasta tempatan dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang mana definasi pelaburan yang

dimaksudkan adalah secara luas dan dalam perkara ini saya suka memberi penjelasan bagi pihak Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling di dalam ucapannya kelmarin telah merujuk kepada satu jawapan bertulis yang diberikan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera di mana Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa pelaburan swasta termasuk pelaburan ke atas minyak telah dinaikkan daripada \$26.8 ribu juta ke \$27.1 ribu juta di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Walau bagaimanapun Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah mendakwa bahawa pelaburan swasta telah dikurangkan sebanyak \$6,000 juta.

Saya percaya bahawa sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Petaling membaca dengan teliti soalan yang dikemukakan itu beliau pasti akan menyedari bahawa rakannya dari Bukit Bendera telah merujuk kepada pelaburan swasta secara keseluruhan dan bukannya hanya kepada pelaburan dalam atau luar negeri. Oleh yang demikian, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menjawab soalan itu dengan tepat. Berasas kepada Jadual 1 (3) dan 1 (8) dalam laporan tersebut, anggaran pelaburan swasta telah dinaikkan dan sekiranya pelaburan ke atas minyak tidak diambil kira, pelaburan swasta akan berkurangan sebanyak \$2.1 ribu juta sahaja. Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat dari Petaling dalam Jadual 8 (1) Kajian Separuh Penggal yang berkaitan dengan pembiayaan pelaburan swasta dan bukannya meliputi kepada pelaburan swasta sahaja. Beliau sudah tentu mendapatkan maklumat daripada data yang lain daripada data yang terdapat dalam Jadual yang berkenaan di mana beliau telah cuba menunjukkan bahawa pelaburan swasta dalam negeri telah dikurangkan sebanyak \$6,000 juta.

Saya perlu menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa penjenisan pembiayaan sendiri oleh sektor swasta, pembiayaan pelaburan oleh sektor awam dan aliran masuk modal swasta jangka panjang adalah merupakan angka-angka yang diperolehi dengan

secara tidak langsung daripada sistem kira-kira negara dan dengan itu tidak boleh digunakan secara berasingan. Misalnya, sekiranya Ahli Yang Berhormat merujuk kepada Jadual 1(10) beliau akan mendapati bahawa penggunaan swasta telah dinaikkan dari \$84 ribu juta kepada \$98.9 ribu juta. Oleh yang demikian, simpanan swasta telah berkurangan dan berikutan dari kejatuhan dalam simpanan swasta ini jumlah yang ada bagi membiayai pelaburan swasta telah terpaksa dikurangkan. Sebaliknya simpanan sektor awam telah menunjukkan tambahan dari sebanyak \$7 ribu juta kepada \$18.4 ribu juta dan oleh yang demikian, pembiayaan sektor awam boleh dinaikkan. Begitu juga untuk membiayai kurangan dalam pembiayaan dalam negeri dan dengan mengambil kira kedua-dua sektor awam dan swasta, anggaran aliran masuk modal jangka panjang swasta telah dinaikkan. Oleh itu Ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa butir-butir pembiayaan sendiri oleh sektor swasta adalah merupakan satu cara pembiayaan dan tidak boleh digunakan secara berasingan ataupun diberi interpretasi yang terlampau sempit (rigid). Perkara ini seharusnya dilihat daripada context yang lebih luas dalam keseluruhan rangka macro dalam Kajian Separuh Penggal dalam mana jelas menunjukkan bahawa anggaran jumlah pelaburan swasta sebenarnya telah dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi perangkaan-perangkaan berhubung dengan pelaburan-pelaburan dalam projek-projek perindustrian yang mana saya akan memberi ternyatalah ia kian bertambah dari setahun ke setahun, bukan seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebagai contoh dari segi jumlah pelaburan yang dicadangkan; jumlah pelaburan telah meningkat daripada \$882.6 juta dalam tahun 1977 berbanding dengan \$1,122.9 juta dalam tahun 1978 yang melibatkan sejumlah 400 projek dalam tahun 1977 berbanding dengan 428 projek dalam tahun 1978.

Angka-angka projek-projek pembesaran (expansion of projects) juga jelas menunjukkan bahawa tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Petaling bahawa Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA) telah menyebabkan kekurangan pelaburan adalah tidak benar.

Dalam tahun 1975, terdapat sebanyak 63 permohonan dibandingkan dengan 103 dalam tahun 1976, 150 tahun 1977 dan 190 tahun 1978. Ini angka pembesaran. Adalah nyata perangkaan pembesaran projek menunjukkan bahawa ICA telah diterima oleh pelabur-pelabur dalam dan luar negeri.

Dengan kedudukan yang dijelaskan tadi, Kerajaan menafikan tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Petaling bahawa ICA telah merupakan salah satu sebab utama berkurangnya pelaburan swasta dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pelabur-pelabur tempatan pula, haruslah diingatkan bahawa industri perkilangan merupakan satu bidang yang baru kepada pelabur-pelabur tempatan yang selama ini banyak bertumpu kepada sektor-sektor perniagaan, pembinaan, "plantation" dan perlombongan. Di dalam peringkat permulaan kemajuan perindustrian di negara kita, pelabur tempatan telah bertumpu, sebahagian besarnya, kepada industri-industri yang mengharapkan pasaran tempatan. Akan tetapi, dengan pesatnya kemajuan perindustrian di negara ini, peluang-peluang pelaburan di dalam industri yang bersandarkan penggantian import (import substitution industry) telahpun sampai ke peringkat "saturation point". Oleh yang demikian, pelaburan yang hendak dibuat oleh pelabur-pelabur tempatan terpaksa dialihkan sama ada kepada projek-projek usahasama dengan pelabur-pelabur asing yang mempunyai kepakaran teknik (technology) dan hubungan-hubungan eksport (marketing channels) ataupun menanamkan modal mereka di dalam sektor-sektor lain seperti pembinaan, perumahan dan lain-lain. Perangkaan menunjukkan bahawa bilangan projek-projek usahasama yang melibatkan pelabur-pelabur tempatan telahpun meningkat daripada 191 kepada 206 buah projek di dalam tahun 1977 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 1978, dengan melibatkan pelaburan modal yang bertambah daripada \$642 juta kepada \$759 juta. Ini menunjukkan bahawa negara kita perlu mewujudkan peluang-peluang pelaburan yang baru dengan menarik pelabur-pelabur asing yang mempunyai kepakaran teknik dan pasaran eksport untuk

menubuhkan projek-projek secara usahasama dengan rakyat Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pun telah mendakwa bahawa Majlis Penasihat Perindustrian yang dicadangkan adalah seperti 'indah khabar dari rupa' ataupun "window dressing" sahaja. Beliau juga telah mendakwa bahawa ICA merupakan sebagai pencerobohan hak-hak pelabur dan patut diganti dengan satu Akta lain yang mempunyai asas baru. Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyatakan rasa tidak puas hatinya ke atas syarat-syarat seperti modal dan gunatenaga.

Tuan Yang di-Pertua, ICA adalah satu Akta yang bertujuan untuk menyelaraskan pembangunan supaya ianya berkembang dengan teratur dan sihat. Sebagai contoh, di setengah-setengah jenis perusahaan, keupayaan bagi pasaran tempatan telahpun cukup dan tidak dapat lagi menampung projek-projek baru.

Dalam keadaan ini Kerajaan terpaksa menyekat projek-projek baru untuk pasaran tempatan dan menumpu pula kepada projek-projek yang berasaskan eksport sebab pasaran Malaysia ini ialah satu pasaran yang terhad sebab penduduk-penduduknya yang kecil. Pengawalan seperti ini amat perlu untuk pembangunan yang sihat di samping mengelak daripada berlebihan keupayaan (excess capacity). Pengawalan seperti ini telah disambut baik oleh pengilang-pengilang. ICA juga merupakan satu alat untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dan saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Raub tadi yang mengatakan bahawa keikhlasan Kerajaan dalam pelaksanaan dasar perindustrian adalah penting. Seperti yang telah diterangkan berkali-kali oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, matlamatnya akan dicapai melalui perkembangan ekonomi (in an expanding economy) dan tidak sekali-kali menjadi tujuan Kerajaan untuk merampas hak seseorang atau satu golongan tertentu. Pendek kata penguatkuasaan Akta ini tidak akan terkeluar daripada lunas-lunas Perlembagaan Malaysia, Rukunegara, mahupun Dasar Ekonomi Baru yang telahpun mendapat sokongan daripada sebilangan besar rakyat,

kecuali Ahli Parlimen DAP dan kuncu-kuncu mereka yang sama ada tidak faham atau pura-pura tidak mahu faham konsep dan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Seperti Ahli Yang Berhormat maklum objektif Dasar Ekonomi Baru dalam peng-hujung tahun 1990 (outline perspective plan) ialah untuk mencapai pembahagian 30-40-30. 30 bagi bumiputra, 40 bagi Malaysians yang bukan bumiputra dan 30 kepada orang asing dalam pemilikan modal di dalam corporate sector dan matlamat ini dilaksanakan secara keseluruhan (on a global basis), bukan satu persatu (not on a project by project basis). Oleh yang demikian, Akta ini sentiasa dilaksanakan dengan flexible dan pragmatic. Sebagai contoh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menegaskan bahawa saham-saham yang dikhaskan kepada bumiputra boleh dipegang oleh mana-mana pihak jika ia tidak diambil oleh pihak bumiputra dan hanya perlu menjualnya balik dengan harga pasaran apabila pelabur-pelabur bumiputra bersedia membelinya.

Di konteks ini Ahli Yang Berhormat dari Mantin dan juga Ahli Yang Berhormat dari Raub telah membuat cadangan bahawa hak ekuiti yang mana ekuiti itu patut dikhaskan 30% kepada kaum bumiputra dinaikkan daripada \$500,000 kepada \$1 juta. Ini ialah satu garis panduan sahaja dengan sebab kita melaksanakan syarat ekuiti ini dengan cara flexible, kita akan mengkaji perkara ini kes demi kes (on a case by case basis).

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan peluang-peluang pekerjaan pula, Kerajaan tidak sekali-kali di bawah ICA bertujuan menyekat peluang-peluang pekerjaan satu-satu kaum. Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar perlulah faham bahawa bumiputra hendaklah juga diberi peluang untuk memasuki bidang perindustrian sama ada dari segi pengurusan, pendedaran atau lain-lain perkara yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tuduhan bahawa Majlis Penasihat Perindustrian adalah merupakan "window dressing", ini ialah satu tuduhan yang bertujuan untuk mengelirukan perkara yang sebenar. Sukalah saya menjelaskan di sini bahawa perkara-perkara berhubung dengan

pindaan yang dikemukakan telahpun dibincangkan dan dipersetujui oleh segolongan besar daripada Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian di negara ini termasuk Sabah dan Sarawak.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar supaya satu Badan Rayuan Bebas (Independent Appeals Tribunal) ditubuhkan, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa semasa Akta ini dipinda kali pertama dalam tahun 1977 peruntukan telah dibuat bagi perlantikan seorang Pegawai Pelesen oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, manakala Menteri diberi kuasa ke atas kes-kes rayuan. Sekarang syarat-syarat yang mana kes-kes rayuan ini telahpun dibesarkan dan dengan pindaan ini apa yang dikatakan dahulu iaitu Menteri Perdagangan dan Perindustrian merupakan Judge, Jury dan Executioner itu tidak patut sekarang dan tidak boleh diterima.

Juga sukalah saya menjelaskan bahawa sebarang keputusan yang dibuat oleh Menteri adalah merupakan collective responsibility Jemaah Menteri. Sekiranya satu badan bebas ditubuhkan, ini bererti satu badan yang luar daripada tanggungjawab Kerajaan. Oleh yang demikian, perkara rayuan ini perlulah dikekalkan terus di bawah tanggungjawab Menteri dan ini adalah penting dan ini ialah konsep dalam semua undang-undang yang mana Menteri jadi the final appellate authority.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya telah menjawab semua teguran-teguran yang telah dibuat dan akhirnya saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan* Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERUNTUKAN DIRAJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.40 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Akta untuk meminda Ordinan Peruntukan Diraja, 1957 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Fasal 35 (1) Perlembagaan Persekutuan, Parlimen hendaklah dengan undang-undang memperuntukkan suatu Peruntukan Diraja bagi Yang di-Pertuan Agong yang termasuk peruntukan untuk membayar annuity kepada Raja Permaisuri Agong. Peruntukan Diraja itu hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulanwang Disatukan dan tidak boleh dikurangkan dalam masa Yang di-Pertuan Agong memegang jawatan.

Bagi melaksanakan Fasal 35 (1) Perlembagaan itu, satu Ordinan Peruntukan Diraja No. 70 tahun 1957 (Civil List Ordinance No. 70 of 1957) telah diluluskan pada 31hb Ogos, 1957. Semenjak itu Jadual Pertama kepada undang-undang itu telah dipinda beberapa kali dan keadaan Peruntukan Diraja pada ketika ini adalah seperti berikut:

Kelas I

(a) Biaya Diraja	\$228,000
(b) Keraian	87,600

Jumlah	..	<u>\$315,600</u>
--------	----	------------------

Kelas II

Gaji Pegawai dan Kakitangan Istana	\$747,000
------------------------------------	----	----	-----------

Kelas III

Perbelanjaan Istana	\$444,000
---------------------	----	----	-----------

Kelas IV

Kurniaan Diraja	\$ 23,000
-----------------	----	----	-----------

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Ordinan yang dicadangkan hanya melibatkan peruntukan Kelas I (a) dalam Jadual Pertama berkenaan dan Biaya Diraja (Privy Purse) dan sukalah saya menerangkannya dengan ringkas seperti berikut.

Tambahan sebanyak \$12,000 adalah diperlukan bagi mengimbangkan Biaya Diraja Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan Biaya Diraja semasa Seri Paduka Baginda menjadi Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Pahang iaitu sebanyak \$240,000 setahun. Pindaan ini hendaklah dikuatkuasakan mulai daripada 26hb April, 1979 iaitu tarikh pemilihan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Peruntukan Biaya Diraja ini telah dipinda hanya sekali melalui Akta Parlimen No. 3 tahun 1964 yang meluluskan tambahan sebanyak \$48,000 menjadikan jumlah peruntukan ini sebanyak \$228,000 seperti yang ada sekarang.

Pindaan kepada Ordinan adalah juga difikirkan perlu supaya tambahan berikutan dengan Peruntukan Biaya Diraja tidak lagi memerlukan pindaan kepada undang-undang berkenaan. Dalam keadaan sekarang ini pindaan pada Ordinan Peruntukan Diraja akan diperbuat setiap kali persesuaian Biaya Diraja diperlukan. Keperluan ini timbul apabila didapati Biaya Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kurang daripada Biaya Diraja Duli Yang Maha Mulia Sultan sebelum dipilih sebagai menjadi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan, Peruntukan Kelas 1 (a) Biaya Diraja dalam Jadual Pertama Ordinan

Peruntukan Diraja akan menjadi \$240,000 atau jumlah peruntukan Biaya Diraja di bawah Undang-undang Negeri pada tarikh pemilihan raja itu sebagai Yang di-Pertuan Agong yang mana lebih besar jumlahnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Ordinan Peruntukan Diraja, 1957 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Oleh kerana tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak membahaskan, maka saya tidak minta Menteri menjawab. Dengan ini, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN KHAS (RAJA PERMAISURI AGONG)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.50 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk

membuat peruntukan-peruntukan khas bagi memberi pencen, elaun dan keistimewaan-keistimewaan lain kepada seseorang Raja Permaisuri Agong yang menjadi balu atas kemangkatan Yang di-Pertuan Agong semasa masih memegang jawatan" dibacakan kali yang kedua sekarang.

Adapun Rang Undang-undang yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini ialah satu Undang-undang baharu yang tunggal bagi membuat peruntukan-peruntukan bagi bekas-bekas Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang telah menjadi balu kerana kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa masih memegang jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Abdul Rahman, Yang di-Pertuan Agong pertama, Dewan yang mulia ini telah meluluskan Akta Pencen Khas Yang Maha Mulia Tunku Puan Besar Kurshiah 1960. Beberapa bulan selepas itu Dewan Yang Mulia ini telah meluluskan pula Akta Pencen Khas Tengku Ampuan Jema'ah binti Raja Ahmad 1961 berikutan kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Hishamuddin Alam Shah Yang di-Pertuan Agong kedua. Selaras dengan keputusan-keputusan Kerajaan terdahulu daripada ini keputusan telah dibuat bahawa adalah sangat wajar Kerajaan Persekutuan memperuntukan satu pencen khas, elaun dan kemudahan-kemudahan lain yang sesuai kepada Yang Maha Mulia Raja Perempuan Zainab yang kedua kerana perkhidmatan Baginda selama kira-kira tiga tahun setengah sebagai Raja Permaisuri Agong dan menimbangkan bahawa Allahyarham Tengku Yahya Putra mangkat semasa masih memegang jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pencen-pencen khas dan kemudahan-kemudahan lain yang diperuntukkan kepada bekas-bekas Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong pada hari ini adalah dibuat melalui undang-undang yang berasingan. Pada pandangan Kerajaan adalah sesuai peruntukan-peruntukan tersebut dibuat melalui undang-undang yang tunggal sebagaimana yang telah dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan yang dicadangkan yang terkandung di dalam Seksyen 2 dan Jadual dalam Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut;

- (a) Pecen Khas sebanyak \$3,000 sebulan.
- (b) Elaun Penyelenggaraan (Maintenance Allowance) bulanan atas kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa.
- (c) Sebuah kereta yang dikecualikan daripada cukai jalan dan cukai pendaftaran. Sekiranya Baginda-baginda tidak berhasrat menerima kereta tersebut maka Baginda hendaklah dibayar sebagai gantinya wang pukal sebanyak \$50,000 yang dikecualikan daripada Cukai Pendapatan.
- (d) Sebuah rumah Kerajaan yang akan diselenggarakan oleh Kerajaan. Sekiranya Baginda-baginda tidak berhasrat menerima kemudahan tersebut maka Baginda-baginda hendaklah dibayar sebagai ganti wang pukal sebanyak \$100,000 yang dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai elaun penyelenggaraan, saya ingin menjelaskan bahawa elaun ini adalah terdiri dari elaun-elaun menyelenggara motokar, elaun pemandu dan elaun pembantu rumah. Elaun yang ditetapkan oleh Kerajaan pada masa ini ialah sebanyak \$750 sebulan. Perkataan "elaun nafkah" yang terdapat dalam teks Bahasa Malaysia adalah tidak tepat. Saya akan mengemukakan pindaan mengenainya di peringkat Jawatankuasa kelak. Sukalah saya menjelaskan di sini bahawa dengan lulusnya Rang Undang-undang ini maka peruntukan-peruntukan yang sama juga adalah dinikmati oleh Yang Mulia Tunku Puan Besar Kurshiah. Ringkasnya pecen khas Baginda akan dinaikkan dari \$1,500 sebulan menjadi \$3,000 sebulan dengan elaun penyelenggaraan ditambah dari \$300 sebulan menjadi \$750 sebulan. Segala peruntukan yang dicadangkan ini adalah dikuatkuasakan mulai 1hb April, 1970.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk membuat peruntukan-peruntukan khas bagi memberi pecen, elaun dan keistimewaan-keistimewaan lain kepada seseorang Raja Permaisuri Agong yang menjadi balu atas kemangkatan Yang di-Pertuan Agong semasa masih memegang jawatan, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada perbahasan maka saya tidak minta Menteri menjawab. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan masalah ini kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual—

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Jadual dipinda sebagaimana yang terkandung dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Pindaan adalah seperti berikut:

Gantikan perkataan "nafkah" yang terdapat dalam perenggan (a) Jadual dan dalam baris dua perenggan 2 Huraian dengan perkataan "penyelenggaraan". Substitute for the word "nafkah" appearing in Paragraph (a) of the Jadual and in line two of paragraph 2 of the Huraian the word "penyelenggaraan".

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Jadual sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA-SURUHANJAYA PER- KHIDMATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.00 ptg.

Menteri Tak Berpfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Ordinan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan 1957" dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini bertujuan meminda Jadual kepada Seksyen 10 Ordinan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan dan mengadakan dua Jadual baru. Jadual Pertama yang mengandungi perkara-perkara gaji, elaun tetap dan elaun bantuan gaji drebar yang baru. Jadual yang kedua pula mengandungi lain-lain kemudahan-kemudahan yang dinikmati oleh Pengerusi, Timbalan-timbalan dan Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan.

Rang Undang-undang ini juga bertujuan mengadakan peruntukan baru iaitu Seksyen 13. Seksyen baru ini memperuntukan kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong membuat apa-apa pindaan kepada Jadual Kedua dengan peraturan-peraturan.

Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat harus maklum, gaji atau elaun tetap kepada Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan dipinda kali terakhir pada tahun 1972. Dengan demikian adalah mustahak bagi Ahli-ahli Suruhanjaya diberi gaji/elaun tetap yang baru dan kemudahan-kemudahan yang lebih baik lagi setaraf dengan darjat mereka. Adalah menjadi makluman umum bahawa belanja hidup telah meningkat sejak beberapa tahun ini. Berikutan dengan itu Kerajaan telahpun

mengkaji tentang gaji-gaji dan elaun-elaun bagi pegawai-pegawai Kerajaan dan akhirnya Kerajaan telah melaksanakan tanggagaji Jawatankuasa Gaji Kabinet pada tahun 1977.

Kerajaan telah mendapati bahawa elaun mesyuarat yang diterima oleh Ahli-ahli Suruhanjaya adalah berbeza kerana ianya berdasarkan jumlah mesyuarat yang dihadapi. Hal ini telah menimbulkan perbezaan-perbezaan pendapatan bulanan antara Ahli-ahli Suruhanjaya. Dalam hal ini Kerajaan telah menghapuskan elaun mesyuarat dan faktor itu dikira dalam gaji baru/elaun tetap yang dibentangkan ini. Dengan ini terdapat keselarasan pendapatan bagi Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan. Walaupun demikian hanya terdapat perbezaan bagi Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang mendapat gaji dan elaun tetap yang lebih tinggi daripada lain-lain Suruhanjaya. Dalam hal ini Kerajaan berpendapat adalah wajar dikekalkan kedudukan ini. Kecuali Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, lain-lain Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan mendapat gaji elaun tetap yang sama seperti di dalam Jadual Pertama.

Dalam melaksanakan gaji dan elaun tetap yang baru itu, sekatan akan dikenakan kepada Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan daripada mengambil bahagian dalam perniagaan dan menumpukan sepenuh masa dalam tugas Suruhanjaya-suruhanjaya sahaja. Berikutan dengan ini langkah-langkah akan diambil untuk meminda perkara-perkara tertentu dalam Perlembagaan untuk menghalang Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan daripada melibatkan diri dalam sebarang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, gaji, elaun tetap dan kemudahan-kemudahan baru ini akan ditawarkan kepada semua Pengerusi, Timbalan-timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan. Satu tempoh selama 6 bulan akan ditawarkan kepada Ahli-ahli sama ada menerima atau menolak tawaran gaji baru ini iaitu mulai perkara ini diisytiharkan. Dengan penerimaan syarat-syarat ini Kerajaan percaya Suruhanjaya-suruhanjaya akan dapat menumpukan seluruh tenaga bagi kerja-kerja Suruhanjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan di hadapan Majlis ialah satu Rang Undang-undang bernama, "suatu Akta untuk meminda Ordinan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan 1957" dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

5.06 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang pindaan yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan dan saya berpendapat dengan adanya Rang Undang-undang ini menambahkan semangat yang kuat lagi kepada Badan Suruhanjaya Awam khasnya yang mengetuai atau kepala di dalam satu-satu jabatan iaitu Pengerusinya dan Timbalan Pengerusinya dengan mendapat sarana yang lebih dan elau yang lebih daripada yang ditetapkan di masa-masa yang lepas, kerana saya berpendapat segala rancangan yang telah diadakan oleh Kerajaan pada hari ini, walau apa rancangan itu baik sekalipun rancangan itu tidak dapat berjalan kalaulah tidak ada pegawai-pegawai yang akan menjalankan rancangan itu. Kalau adapun kerana kita sebagai manusia, walaupun bagaimana kita pandai, bagaimana kita kuat, bagaimana kita boleh tetapi had kemampuan manusia ada hadnya. Sekuat-kuat manusia dia tidak boleh sekuat yang ada pada kudrat Tuhan. Manusia tetap manusia, walau macam mana dia kuat, walau macam mana dia pandai, walau macam mana dia boleh sekalipun ada perkara yang dia tidak boleh buat.

Dengan sebab itu dengan adanya Rang Undang-undang ini bagaimana saya katakan tadi, pertama kita hendakkan semangat bekerja yang lebih kuat lagi seperti yang telah ada walaupun saya percaya sebagaimana kata Menteri tadi mengikut kadar Suruhanjaya Perkhidmatan Awam boleh kata lebih daripada Suruhanjaya yang lain saya juga bersetuju sebab saya katakan tadi itu yang muktamad segala pelancaran kerja yang berjalan hari ini ialah tentang pegawai, perkhidmatan. Kalau di mana kerja itu ada sekalipun rancangan yang begitu baik tetapi

tidak dapat melaksanakannya, perlaksanaannya tidak dapat dijalankan maka itulah sebabnya kerja-kerja kita gagal. Rancangan kita banyak yang baik tetapi yang malangnya tentang pelaksanaan tidak dapat dijalankan.

Dengan adanya Rang Undang-undang ini saya berharap sangat perlaksanaannya dapat dijalankan dengan sebaik-baik yang boleh daripada masa yang lepas dan dapat berjalan dengan sebaik-baiknya di masa akan datang. Saya juga dapati seperti saya katakan tadi kita manusia, saya tidak kata pegawai-pegawai Kerajaan hari ini bekerja dengan tidak begitu baik tetapi oleh sebab zaman sains dan teknologi yang kita hari ini dalam zaman bertambah, bertambah dalam segenap segi, segenap rancangan dan kalau tidak silap saya Kementerian kita pun bertambah. Pendek kata setelah kita merdeka, kita memerintah sendiri, kita hendakkan seberapa maju yang boleh di segenap bidang, bidang pembangunan, bidang kerohanian, di segenap bidang, Tuan Yang di-Pertua. Apatah lagi di bidang pembangunan, kita hendak sangat dan Kerajaan kita ada aturan, ada susunan; kita tidak boleh buat satu-satu benda misalnya kita buat satu projek walaupun benda itu mudah sekalipun kalau tidak diakui oleh dua tiga pihak yang berkenaan, misalnya, saya kata kerja dalam Pejabat JKR, satu-satu perkara itu tidak dapat dibayar oleh pihak kewangan kalau tidak diakui sah dahulu oleh pihak Jurutera dan sebagainya.

Pendek kata sesuatu pembayaran itu ada bertangga-tangga dan tiap-tiap tangga itu bergantung kepada pegawai-pegawainya, pegawai kejuruteraan untuk hendak memeriksa adakah kerja ini siap. Sebelum daripada itu untuk menunjukkan jalan dan sebagainya. Dengan sebab itu, saya mengatakan salah satu daripada rancangan kita kadang-kadang lambat siap walaupun rancangan itu baik ialah kerana kekurangan pegawai-pegawai. Maksud saya selain daripada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi kita tambah, maka pegawai-pegawai umumnya masih kurang. Boleh dikatakan di tiap-tiap pejabat patutlah ditambah seberapa segera yang boleh.

Macam di negeri saya Perlis, saya tidaklah berhajat hendak meminta satu perkhidmatan awam yang berasingan kerana saya tahu negeri Perlis adalah satu negeri yang kecil, walaupun

biasa diminta oleh badan-badan parti politik supaya diadakan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang berasingan di Perlis, tetapi saya tidaklah begitu berharap dalam Dewan ini. Tetapi kalaulah boleh juga ditubuhkan khas untuk di Perlis dan diberi elaun atau gajinya daripada Kerajaan Pusat, saya sangat mengalu-alukan tetapi kalau hendak mengharapkan Kerajaan Perlis juga hendak bayar gaji, rumitlah sedikit. Kalau pihak Kerajaan Pusat sendiri atau Kementerian yang berkenaan hendak tubuhkan khas untuk Perlis, semua pegawai-pegawai daripada Kerajaan Pusat atau daripada Perlis tetapi gajinya dibayar daripada sini, saya mengalu-alukan dan saya mengucapkan terima kasih.

Walau bagaimanapun, sebagaimana saya kata tadi tentang perkhidmatan Kerajaan hari ini saya tidaklah mengatakan tidak baik, cuma kekurangan pegawai. Inilah sebab yang pertama. Dengan sebab itu, saya merayu kepada Kerajaan di samping Kerajaan menambah elaun kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau Pemangku Pengerusi dan juga akan diberi berbagai-bagai kemudahan yang istimewa lagi, di samping itu juga saya berharap sangat pegawai-pegawai yang saya kata tadi patut ditambah dalam jabatan itu. Kalaulah gaji Pengerusi sahaja ditambah dan ditambah berbagai kebaikan, tetapi pegawai-pegawainya kurang juga, apakah yang akan boleh dibuat oleh Pengerusi yang berkenaan kalau ia seorang? Tetapi untuk menambahkan gaji itu sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kerana ini menaikkan semangatnya lagi; tetapi untuk melengkapkan lagi, untuk mencukupkan lagi kakitangan-kakitangan yang masih kurang ini, saya berharap sangat-sangat bukan kata satu dua jabatan bahkan banyak jabatan bila kita soal: mengapa kerja ini lambat dilaksanakan? Katanya: kami kurang kakitangan. Bila ditanya pejabatnya mengapa?—kami kurang pegawai. Kalau perkara-perkara lain yang tidak betul, ini adalah segala langkah-langkah yang telah diambil mengikut aturan kita.

Dengan ini saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini dan diharap sangatlah apa yang saya syorkan tadi mendapat pertimbangan yang sewajarnya dari Menteri yang berkenaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.14 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Speaker, pada hari semalam apabila kita mengadakan perbahasan atas Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA) saya ada menyatakan bahawa saya tidak bersetuju dengan pandangan yang dilafazkan oleh Wakil dari Kangar, tetapi pada hari ini nampaknya saya bersetuju dengan apa yang telah dikatakan oleh Wakil dari Kangar tadi.

Mengenai Rang Undang-undang (Pindaan) ini, izinkan saya melafazkan satu harapan iaitu dengan kenaikan gaji untuk Pengerusi dan Timbalan Pengerusi dan dengan kenaikan elaun tetap untuk Ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan, saya berharap bahawa Suruhanjaya tersebut dapat bergerak dengan lebih cekap, lebih licin untuk menjalankan tugasnya. Oleh kerana tidak dapat dinafikan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan boleh memainkan satu peranan yang amat penting untuk menentukan bahawa pihak Kerajaan, pihak Kementerian-kementerian yang berkenaan mempunyai kakitangan-kakitangan yang cukup, kakitangan-kakitangan yang berdisiplin, kakitangan-kakitangan yang berkaliber untuk menjalankan ataupun untuk melaksanakan berbagai-bagai projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Pada sidang yang lepas saya telahpun menghuraikan masalah ini iaitu masalah tentang kekurangan kakitangan-kakitangan ataupun masalah kekosongan jawatan-jawatan dalam jabatan-jabatan di berbagai peringkat dan saya telah diberitahu dalam sidang yang lepas apabila saya menghuraikan masalah ini, saya telah diberitahu bahawa pihak Kerajaan akan mengambil langkah yang sesuai untuk menentukan bahawa jawatan-jawatan kosong akan diisi dengan secepat yang boleh supaya projek-projek pembangunan tidak tergendala. Tetapi mengikut fahaman saya sehingga hari ini masih terdapat banyak jawatan-jawatan yang kosong khususnya jawatan-jawatan Technician ataupun para professional di tiap-tiap Kementerian yang berkenaan. Kalau saya tidak silap, Tuan Speaker, saya difahamkan bahawa masih terdapat lebih kurang 40,000 lebih jawatan-jawatan kosong yang belum disiapkan.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk maklumat Dewan ini bilangan jawatan untuk Bahagian I dan Bahagian II yang kosong setakat hari ini. Saya rasa bahawa soalan ini adalah satu soalan yang mustahak dan saya berharap bahawa nanti Yang Berhormat Menteri dapat memberi sedikit penjelasan di atas perkara yang telah dihuraikan oleh saya tadi.

Satu perkara akhir yang saya ingin mengatakan di sini ialah saya juga hendak dapat tahu adakah masalah ini berlaku oleh kerana kekurangan kakitangan yang layak, kekurangan kakitangan yang berkaliber ataupun telah berlaku oleh sebab-sebab yang lain. Saya harap satu jawapan dapat diberi oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Izinkan saya mengakhiri ucapan saya dengan menyatakan bahawa pihak Kerajaan adalah mempunyai tanggungjawab yang berat untuk menentukan bahawa segala projek-projek pembangunan Kerajaan baikpun projek-projek ini dilaksanakan di kawasan Ahli Parlimen dari Barisan Nasional ataupun di kawasan Ahli Pembangkang, saya berharap bahawa pihak Kerajaan akan menentukan bahawa semua projek-projek ini dapat dilaksanakan dengan licin dengan mengadakan tenaga yang cukup, professional yang cukup, technician yang berkaliber untuk menentukan kejayaan semua projek-projek ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.20 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya kebenaran dan seperti biasa saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan khasnya kepada Menteri yang bertanggungjawab kerana telah membawa Rang Undang-undang ini ke Dewan pada hari ini untuk kita sama-sama timbangkan.

Saya mula-mula sekali, Tuan Yang di-Pertua, ingin beri sokongan yang sepenuhnya

terhadap pindaan-pindaan yang dimaksudkan di dalam Rang Undang-undang di hadapan kita pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam dua tiga perkara yang saya hendak sentuh, perkara yang pertama, saya rasa sesuai dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sebagaimana yang terkandung di dalam Perkara 132 Perlembagaan negara mempunyai peranan yang penting di dalam mengisi jawatan-jawatan bagi pegawai-pegawai yang akan mengendalikan pentadbiran negara ini maka sudah tentulah suruhanjaya-suruhanjaya ini adalah mempunyai peranan yang penting dan sesuai kalau sekiranya peranan yang mereka punyai ini disetimpalkan pula dengan ganjaran ataupun elaun-elaun yang agak setimpal pula. Jadi sesuai benarlah, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya elaun-elaun untuk Pengerusi dan Timbalan Pengerusi ditambah sebagaimana yang terdapat di dalam Rang Undang-undang yang di hadapan kita pada petang ini.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, bagi saya untuk menjaminkan seseorang itu immune—bebas daripada segala desakan terutama sekali suruhanjaya ini adalah orang yang akan memilih orang-orang yang bekerja dan sifat yang perlu dipunyai oleh orang-orang yang di dalam capacities seperti ini ialah orang yang immune, orang yang tidak akan terlibat dan terikat kepada sebarang gertak, tekanan atau apa-apa masalah maka sudah sewajarnya keadaan kewangan mereka itu ataupun keadaan kedudukan mereka itu hendaklah diberi jaminan. Sesuaiilah peruntukan ini ditambah.

Cuma dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta di samping kita melihat habuan kepada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi, kita tengok juga habuan kepada driver masing-masing. Saya rasa tidak menjadi satu kesalahan kalau sekiranya driver Pengerusi dan driver Timbalan Pengerusi ini kita anggapkan sama taraf. Kerana untuk menjadi driver kepada motokar, syarat seseorang itu mempunyai lesen memandu Kelas D dan kemungkinan kereta yang dipandu oleh mereka itu lebih kurang sama sahaja kecuali sedikit-sedikit sahaja perbezaan kelas atau c.c. sahaja, jadi sebaik-baiknya gaji ini janganlah kita beza-bezakan sangat. Ini

saya minta Menteri yang berkenaan memberi pertimbangan supaya kalau Pengerusi itu mempunyai tanggungjawab (responsibility) yang agak lebih daripada Timbalan Pengerusi, maka saya rasa tidak bolehlah kita selaraskan pula tanggungjawab driver kepada Pengerusi hendak dibandingkan, dengan tanggungjawab pemandu kereta kepada Timbalan Pengerusi. Ini saya harap, mendapat perhatian daripada Menteri yang berkenaan.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya benar-benar menyanjung tinggi hasrat Kerajaan supaya pihak Suruhanjaya-suruhanjaya yang disebut di dalam Rang Undang-undang ini tidak lagi dibenarkan mencebur diri mereka ke dalam bidang perniagaan. Ini adalah satu langkah yang baik. Kalau seseorang itu dengan sendirinya berniaga dan di satu pihak lain mempunyai satu tempat yang bertanggungjawab sebagai ahli-ahli suruhanjaya yang akan menentukan establishment. ataupun perkhidmatan-perkhidmatan di negara ini, tentu sedikit sebanyak, perasaan keraguan ataupun perkara-perkara yang boleh merunsingkan mereka itu kerana memikirkan soal-soal perniagaan atau commitment-commitment yang lain ini mungkin boleh membawa akibat kepada proses pemilihan ataupun kerja sehari-hari mereka. Kalau tidak berlaku, alhamdulillah, tetapi kemungkinan-kemungkinan ini sekali imbas, sekali pandang, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh kita tolak sama sekali. Cuma dalam soal ini, saya berharap kalau pada hari ini kita melihat dari segi suruhanjaya-suruhanjaya yang dipaparkan di dalam Rang Undang-undang ini, saya harap juga perkara ini hendaklah kita selaraskan kepada ahli-ahli suruhanjaya, saya maksud sepertimana yang terdapat di dalam Perkara 132 dalam Perlembagaan.

Dengan izin, Tuan Yang di-pertua, saya hendak baca sedikit.

(*Dengan izin*):

“PART X

Public Services

132. Public Services

(1) For the purpose of this Constitution, the public services are:

(a) the armed forces;

(b) the judicial and legal services;

(c) the general public service of the Federation;

(d) the police force;

(e) the railway services;

(f) the joint public services mentioned in Article 133;

(g) the public services of each State; and

(h) the education service.”

Jadi, di dalam hal ini hanya empat disentuh, saya harap semua yang baki itu kita selaraskan supaya bukan sahaja diselaraskan dari segi penyertaan dalam perniagaan tetapi kita selaraskan juga dari segi habuan dan sebagainya.

Dan satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka merujuk kepada Second Schedule (Section 10) Perkara 4.

(*Dengan izin*):

“4. MEDICAL FACILITIES:

Free out-patient treatment for members, their wives and children but in case of hospitalisation, a member shall pay ward daily charge at the rate of \$10 per person.”

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kalau boleh dipertimbangkan \$10 ini kita hapuskanlah supaya kita berikan mereka ini tempat yang agak istimewa sedikit. Apabila seseorang itu kita berikan tempat yang agak istimewa sedikit bukan sahaja dari segi habuan tetapi juga dari segi facilities yang lain-lain seperti kemudahan-kemudahan hospital dan lain-lain kemudahan, mungkin ia dapat mentafsirkan kemudahan-kemudahan yang diberikan kepadanya itu melalui services ataupun pekerjaan-pekerjaan yang lebih sempurna, yang lebih mustahak dan lebih memuaskan kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya dalam soal ahli-ahli suruhanjaya sama ada Pengerusi, Timbalan Pengerusi ataupun ahli-ahli biasa, saya berharap supaya mereka ini janganlah dianggapkan sebagai sama tarafnya dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang lain, kerana sebagaimana yang kita maklum bahawa

mereka ini adalah orang-orang yang diberi tugas untuk memilih pegawai-pegawai Kerajaan maka sudah tentu tempat mereka ini, kemudahan-kemudahan mereka ini secara keseluruhannya, hendaklah kita naikkan sedikit. Jadi saya berharap segala perhitungan yang hendak diberikan kepada mereka ini janganlah diasaskan kepada perhitungan yang diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan, kecuali pegawai-pegawai Kerajaan yang diperbantukan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, kita berilah kemudahan-kemudahan mereka itu dari segi lodging allowance, mileage allowance, medical, leave, quarters gratuity dan sebagainya itu hendaklah kita angkatkan sedikit kedudukannya sesuai dengan kehendak-kehendak keperluan yang kita kehendakki daripada orang-orang yang menduduki Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.29 *ptg.*

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Awam 1957 ini, saya sangat tertarik hati dan menyokong penuh sebagaimana peruntukan-peruntukan untuk menambahkan elaun dan imbuhan-imbuhan kepada Pengerusi Suruhanjaya dan Timbalannya serta kakitangan-kakitangan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa elaun-elaun yang ada yang belum dipinda ini dibayar semenjak tahun 1972. Jadi, sekarang inilah baru dipinda misalnya meeting allowance dinaikkan ke \$75. Tetapi saya bukan hendak minta supaya elaun Ahli Dewan Rakyat dinaikkan, tetapi saya menyatakan bahawa elaun Ahli Dewan Rakyat juga sejak tahun 1972 belum berubah sehingga sekarang. Jadi, kalau takdirnya masalah elaun ini dinaikkan, saya harap janganlah pegawai-pegawai atau orang ramai membuat tuduhan-tuduhan pula yang mengatakan Ahli-ahli Dewan Rakyat ini tidak ada kerja lain untuk menaikkan elaunnya atau meminta imbuhan-nya dinaikkan. Saya rasa pemberian ini adalah kena pada tempatnya sebagaimana disebutkan tadi oleh kerana elaun yang telah diberikan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,

Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi dan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain adalah semenjak tahun 1972 dan pindaan ini saya sangat-sangat menyokong.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh beberapa perkara tentang dasar pemilihan pekerja-pekerja yang dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan-perkhidmatan lain. Kita tahu Suruhanjaya Pemilihan ini adalah untuk memilih orang-orang yang bekerja dengan Kerajaan iaitu Kerajaan yang memerintah di dalam negeri ini. Jadi, saya rasa satu daripada criteria yang patut dititikberatkan dalam pemilihan pegawai yang dipilih itu ialah orang-orang yang menyokong dasar Kerajaan. Ini yang patut diambil perhatian. Mungkin pihak yang berkenaan akan mengatakan mana dia tahu orang itu menyokong dasar Kerajaan? Itulah yang dikatakan bahawa rojokannya ialah kepada Wakil-wakil Rakyat dan kepada orang-orang politik patut dititikberatkan kerana untuk mencari seorang yang menyokong Kerajaan ini mungkinlah tidak nampak pula mukanya sahaja, tidak nampak tanda-tanda yang ada di dahinya, tetapi untuk mengetahui ini ialah orang yang rapat dengan rakyat. Jadi di sinilah dikatakan pentingnya pemilihan ini didasarkan juga pada orang-orang yang menyokong dasar Kerajaan iaitu hendak tahunya ialah berdasarkan sokongan daripada Wakil-wakil Rakyat atau sokongan daripada orang-orang politik. Kalau kita hendak memilih seorang pegawai yang kita tidak tahu beliau itu adakah menyokong dasar Kerajaan atau tidak, kita hanya pakai ambil sahaja, bermakna kita membeli satu jentera yang enjinnya telah rosak dan kita hendak menjalankan pekerjaan di segi pentadbiran negara, dari segi membuat sesuatu. Jadi kalau kita sudah tahu satu enjin ataupun trektor itu telah rosak tidak guna kita membelinya. Begitu jugalah dalam pemilihan pegawai-pegawai Kerajaan, kalau kita tahu seorang pegawai itu ada tanda-tanda yang dia itu menentang dasar Kerajaan mengapa kita harus memilihnya, tidaklah sepatutnya dia dipilih dan untuk mengetahuinya sokongan daripada Wakil Rakyat adalah penting. Ini bukan saya mengatakan Wakil Rakyat ini mesti campurtangan dalam pemilihan, Wakil Rakyat mesti tulis surat kecil, Wakil Rakyat mesti itu, Wakil Rakyat mesti ini. Bukan itu

yang saya maksudkan. Tetapi sokongan itu juga harus dipertimbangkan selain daripada mempertimbangkan merits, akademik dan expericency dalam temuduga itu. Jadi, itulah harapan saya yang paling penting sekali kepada Suruhanjaya-suruhanjaya yang telah diberi imbuhan yang lebih, maka hendaklah memberi perhatian lebih juga kepada pemilihan ini supaya orang yang dipilih itu benar-benar dapat menjalankan tugas, peraturan, perundangan dan dasar Kerajaan yang ada yang memerintah dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh soal pemilihan pegawai di dalam bahagian akademik atau memilih pegawai-pegawai berdasarkan akademik dan juga berdasarkan experience. Kadang-kadang pengalaman (experience) ini tidak dititik-beratkan kalau seseorang itu yang mendapat akademiknya yang baik. Ini banyak terdapat di dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang di luar daripada Perkhidmatan PTD atau Pegawai Tadbir Am. Jadi di dalam pemilihan pegawai-pegawai ini pengalamannya adalah penting; kalau sekiranya tidak ada pengalaman maka pegawai-pegawai itu hendaklah diberi latihan. Walaupun perkara ini bukan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan ini, tetapi saya suka menyentuh beberapa jabatan yang pegawainya tidak mempunyai latihan dan saya juga sebagai seorang bekas pegawai yang tahu tentang perkara ini. Jadi yang tidak mempunyai latihan menyebabkan mereka itu tidak begitu bertanggungjawab terhadap tugas-tugasnya. Ini saya tidak tahu adakah menyentuh Perkhidmatan Awam, tetapi mungkin juga menyentuh Perkhidmatan-perkhidmatan Badan-badan Berkanun. Misalnya, Badan-badan Berkanun yang saya maksudkan iaitu dalam MARDI, RISDA, UDA, MARA, FELCRA, MIDA, KEJORA dan berbagai-bagai Badan Berkanun. Kebanyakan pegawai-pegawainya tidak dilatih sebagaimana yang dilatihkan kepada pegawai-pegawai PTD dan Pegawai Tadbir Am, mereka ini menjalankan pekerjaannya berdasarkan tunjuk daripada orang-orang atasan atau orang-orang yang sebelum daripadanya, kalau menyeleweng orang yang sebelum daripadanya maka itulah tugasnya yang dijalankannya. Jadi itulah sebabnya kita tidak hairan banyak berlaku di dalam Badan-badan Berkanun dan badan-badan lain seperti Jabatan Keretapi yang

pegawai tadbirnya tidak mempunyai tanggungjawab sepenuhnya. Ini bukanlah saya hendak menuduh kepada semua tetapi tergolong ada berlaku; kadang-kadang tanggungjawabnya terhadap pekerjaannya, terhadap maksud atau tujuan untuk menjalankan tugasnya demi kepentingan negara itu tidak timbul bagi pegawai ini. Jadi saya mengesyorkan Kerajaan mempertimbangkan selain daripada memberi latihan kepada pegawai PTD dan Pegawai Tadbir Am dan Pegawai Tadbir Negeri dan juga memberi latihan kepada pegawai-pegawai dalam jabatan-jabatan lain atau Badan-badan Berkanun yang lain kerana mereka itu adalah sebahagian daripada tubuh badan Kerajaan juga. Jadi kalau cacat jenteranya di situ maka tidak tercapailah kehendak-kehendak dan matlamat Kerajaan. Jadi harapan saya kepada perkara ini juga patut diberi perhatian iaitu latihan yang diadakan seperti di INTAN atau di mana-mana yang memberi latihan bukan sahaja latihan pekerjaan, latihan tanggungjawab, latihan sosial, latihan cintakan kepada pekerjaan dengan budi bahasa, tatatertib yang patut sebagai seorang pegawai. Ini harus sebagaimana yang dikehendaki yang dijalankan di INTAN dan di mana-mana juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebut ini bukannya berlaku kepada semua, tetapi berlaku kepada saya, iaitu pegawai-pegawai yang pada masa pemilihan dahulu memang pegawai-pegawai yang bagus dipilih oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, tetapi apabila pegawai ini sudah dapat pangkat tinggi, agak sombong sedikit. Ini berlaku kepada saya sebagai Wakil Rakyat, saya tidak tahu kepada orang kampung. Ini saya ada buktinya, perkara ini berlaku di Jabatan Perkhidmatan Awam dan perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Sebagai seorang Wakil Rakyat saya banyak ditemui oleh rakyat untuk mengetahui sesuatu, kadang-kadang benda yang tidak dapat memang kita tidak mendesak pegawai itu supaya dapat tahu benda-benda yang rahsia, tetapi benda ini adalah benda yang tidak rahsia lagi, tetapi tidak diberi layanan yang sepatutnya. Misalnya, saya hendak tahu satu masa dahulu saya telefon daripada Pasir Puteh kepada seorang pegawai di Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengetahui keputusan pemilihan ke luar negeri penuntut-penuntut daripada Tingkatan V yang menuntut di A level. Apabila saya

telefon kepada Tan Sri Hashim Aman, tetapi malangnya beliau mesyuarat selepas itu. . . .

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat yang sebenarnya kalau sedikit-sedikit tadi saya biarkan juga, tetapi kalau mengikut peraturan tidak menepati di bawah Akta ini. Akta ini saya baca ialah untuk meminda Jadual Suruhanjaya Perkhidmatan. Jadi sedikit-sedikit itu tidak apalah, tetapi jangan panjang sangat.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya tidak sebut nama, cuma saya sebut supaya benda ini jangan berlaku kerana pemilihan pegawai ini ada berkaitan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, betul tetapi tidak ada kaitannya dengan Rang Undang-undang ini. Kalau masa membincangkan Akta Ibu Ordinan ini atau dalam masa bulan Oktober sampai Disember (Budget) waktu itu boleh.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tetapi benda ini takut terlupa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi jangan jauh sangat lari.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Jadi saya tak lanjutkan. Kesahnya benda itu dia kata benda itu sudah keluar, tunggulah di kampung, tunggu nanti dua tiga hari benda itu sudah keluar sampailah tak lama lagi. Apabila saya telefon saya bertanya lagi dia kata: Tak boleh, saya hendak mesyuarat. Saya terangkanlah, saya kata saya ini Wakil Rakyat tetapi akhirnya saya tidak dapat dengan meletakkan telefonnya tetapi setelah saya menemui Tan Sri Hashim Ahmad sendiri saya dapat butir-butir yang dikatakan rahsia yang tidak dapat diberi kepada saya. Jadi pemilihan pegawai seperti ini saya rasa patut diambil perhatian kerana saya juga sebagai seorang bekas pegawai Kerajaan, jadi saya tahu bagaimana tingkah-laku kepada seorang Wakil Rakyat dan juga kepada orang-orang kampung yang berkehendak pertolongan daripada Wakil Rakyat. Kalau benda itu sudah tidak rahsia maka tidak menjadi salah kepada seseorang Wakil Rakyat hendak tahu kepada benda itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyambung tentang kekosongan jawatan. Kita dapati banyak jawatan-jawatan kosong dan juga jawatan-jawatan yang tidak dipenuhi oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini dan juga apabila hendak dipenuhi lambat dalam prosesnya. Saya tidak tahu sama ada lambat di peringkat pemilihan atau lambat di peringkat kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau Perbendaharaan, saya tidak tahu tetapi di dalam proses untuk memenuhi jawatan kosong itu lambat. Perkara ini kalau kita hendak melaksanakan Dasar Ekonomi Baru sebagaimana yang kita kehendaki tadi maka kelambatan seperti ini patut kita hindarkan kerana perkara ini bukan setakat kita sahaja yang membincangkan, sampai kepada rakyat kampung pun membincangkan perkara kekurangan pegawai ini. Kalau proses itu tidak dapat dipercepatkan maka pelaksanaan projek pun tidak dapat dipercepatkan juga, maka matlamat Kerajaan tidak akan tercapai.

Saya suka meminta kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan juga kepada Suruhanjaya Perkhidmatan yang lain-lain di dalam pemilihan pegawai ini mungkin setengahnya telah dilakukan, mungkin Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah lakukan tetapi Suruhanjaya Perkhidmatan yang lain tidak lakukan benda-benda ini, tetapi kalau telah lakukan saya mengucapkan terima kasih tetapi kalau belum lakukan saya harap dilakukan iaitu untuk mengurangkan beban orang-orang yang hendak ditemuduga itu kerana elaun-elaun telahpun dinaikkan eloklah kalau diadakan temuduga itu ke negeri-negeri atau ke daerah-daerah di mana tempat calon-calon itu yang ramai supaya tidaklah semua calon-calon itu akan berkerumun ke Kuala Lumpur. Kalau datang ke Kuala Lumpur itu dapat kerja tak apalah, kalau tak dapat akibatnya duit yang ada seringgit dua itu akan habis. Perkara-perkara seperti ini saya rasa patutlah diambil perhatian dan memberi keutamaan kepada perkhidmatan di dalam soal temuduga ini ke peringkat-peringkat negeri atau ke peringkat-peringkat jajahan-jajahan yang tertentu.

Akhirnya saya menyokong Rang Undang-undang ini dan berharap dengan bertambahnya elaun ini akan bertambahlah giatnya suruhanjaya ini menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebagai badan yang

memilih jentera yang akan berkhidmat dengan Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu.

5.46 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan di hadapan kita sekarang. Saya sukacita melihat bahawa pihak Kerajaan sekarang memandang perlu untuk memberi gaji yang seimbang kepada Pengerusi-pengerusi Suruhanjaya yang kita tahu mestinya terdiri daripada orang-orang yang mempunyai integrity yang cukup untuk mengepalai operasi mengambil kakitangan Kerajaan di dalam negara ini. Bagaimanapun saya fikir tambahan ini tidak cukup, belum mencukupi untuk mencerminkan tanggungjawabnya sebagai seorang Pengerusi Suruhanjaya, baik Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi, Suruhanjaya Pelajaran, Polis dan lain-lain. Untuk memberi status yang betul dan tepat kepada Pengerusi-pengerusi itu saya fikir ada keperluan untuk memberi ganjaran yang lebih baik kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah dengar baru-baru ini kenaikan gaji yang amat besar yang telah diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan di negara jiran kita di Singapura kalau tak salah setengah-setengah pegawai di tingkatan tinggi diberi kenaikan 100%. Saya tidak bermaksud di sini untuk meminta Kerajaan menaikkan kadar yang sama untuk pegawai-pegawai tinggi kita tetapi pegawai-pegawai tinggi yang memegang jawatan-jawatan penting seperti Pengerusi-pengerusi Suruhanjaya ini patutlah diberi ganjaran yang wajar, yang secukup-cukupnya supaya apa yang mereka dapati daripada sebagai gaji atau elaun dapat mencerminkan kedudukan mereka, taraf mereka dan status mereka di dalam masyarakat. Kalau kita tambah, misalnya \$2,000 seorang lagi pun berapa sangatlah tambahan yang terpaksa ditanggung oleh negara kita oleh kerana kita tak banyak sangat Pengerusi-pengerusi atau Timbalan-timbalan Pengerusi Suruhanjaya seperti ini.

Saya berharap pihak Kerajaan akan dapat menimbangkan kenaikan gaji selanjutnya untuk Pengerusi-pengerusi Suruhanjaya-suruhanjaya yang saya sebutkan ini pada masa akan datang supaya kalau tidakpun sama dengan rakan-rakan mereka di seberang Selat Teberau, sekurang-kurangnya janganlah jauh sangat bezanya. Begitu juga patutlah ditimbangkan gaji-gaji bagi pegawai-pegawai tinggi Kerajaan seperti Ketua Setiausaha Kementerian ataupun Ketua-ketua Pengarah, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah. Sekarang ini terlibat jurang perbezaan antara yang amat jauh bukan sahaja dengan rakan-rakan mereka di seberang Selat Teberau tetapi juga dengan rakan-rakan mereka dalam private sector. Saya dapat tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya terpaksa menarik perhatian sekali lagi, ini hanya kepada Suruhanjaya Perkhidmatan sahaja, bukan kepada pegawai-pegawai Kerajaan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya menyebut sebagai contoh.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tetapi jangan keterlaluan sangat. Saya ingatkan kepada Peraturan Mesyuarat 36 (1).

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya tarik balik, Tuan yang di-Pertua. Apa yang penting bagi saya ialah bukan wang negara, berapa banyak dapat kita belanjakan untuk memberi gaji kepada pegawai-pegawai ataupun Pengerusi-pengerusi Suruhanjaya seperti ini tetapi apakah khidmat mereka akan lebih cemerlang dengan diberi kepada mereka kedudukan status yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan kenaikan elaun dan gaji yang dicadangkan ini di peringkat Persekutuan, saya juga berharap pihak Kerajaan Persekutuan akan dapat menasihatkan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya menaikkan juga elaun dan gaji bagi Pengerusi dan Timbalan Pengerusi bagi Suruhanjaya-suruhanjaya peringkat Negeri supaya "gap" itu tidaklah terlalu jauh.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa Pengerusi-pengerusi Suruhanjaya ini dan ahli-ahlinya mempunyai tugas yang amat berat lebih-lebih lagi bagi Pengerusi, ahli-ahli Public Services Commission, namun demikian saya

lihat perbezaan yang diberikan pada gaji Pengerusinya hanyalah \$500 iaitu perbezaan gaji antara Pengerusi Public Services Commission dengan Railway Service Commission dan lain-lain. Saya fikir patut sangatlah kita memberi gaji yang lebih besar kepada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Public Services Commission oleh kerana mereka ini mempunyai tugas yang jauh lebih besar dan berat kalau dibandingkan dengan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Railway Service Commission, misalnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pengambilan pegawai-pegawai, kakitangan ini adalah suatu proses yang sambung-menyambung hampir setiap bulan dan mungkin setiap hari, saya fikir patutlah dicari jalan supaya dapat didelegatekan power lebih meluas daripada Suruhanjaya ini kepada pegawai-pegawai Kerajaan terutamanya untuk mengambil kakitangan peringkat rendah seperti buruh am dan lain-lain lagi, Bahkan saya fikir kalau untuk mengambil buruh am dan buruh-buruh biasa itu, power itu boleh didelegatekan kepada ADO sahaja, tidak payahlah pegawai-pegawai Superscale datang menginterview pekerja-pekerja seperti ini. Dengan demikian diadakan delegation of power yang lebih meluas ini dapatlah disegerakan pengambilan pekerja-pekerja terutama pekerja-pekerja peringkat bawah.

Tuan Yang di-Pertua, suatu amalan yang saya rasa patut saya sebutkan di sini yang telah berlaku sejak turun temurun di negara kita ini ialah bahawa Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Services Commission ini biasanya diambil daripada pegawai-pegawai tinggi Kerajaan yang sudah bersara. Mungkin ada rasional di sebalik amalan ini, akan tetapi saya sendiri memikirkan bahawa pegawai-pegawai kita yang sudah bersara itu memerlukan masa rihat, mereka mahu enjoy life dan mereka mahu menghabiskan hayat hidup mereka sendiri dan barangkali bagi orang Islam untuk memperdalamkan pengetahuan mereka tentang agama dan berdekat-dekatan dengan agama dan Tuhan. Kalau kita beri mereka tugas terus-menerus selepas mereka bersara mungkin mereka tidak banyak mempunyai kesempatan untuk berbuat apa yang saya sebutkan tadi.

Saya kasihan melihat setengah-setengah pegawai tinggi kita yang telah banyak berjasa

kepada negara kita disuruh terus-menerus bekerja, bertugas sehingga mereka tidak larat lagi. Saya fikir eloklah difikirkan semula amalan ini, eloklah juga barangkali ditimbangkan kemungkinan melantik serving officers pegawai-pegawai tinggi yang sedang berkhidmat untuk menjadi Pengerusi atau Timbalan Pengerusi bagi Commission-commission yang saya sebutkan tadi.

Mungkin ada setengah-setengah jawatan Pengerusi yang sangat-sangat memerlukan expertise yang khusus seperti Polis ataupun Judicial Service, mungkin ada keperluan untuk mengambil pegawai-pegawai yang telah bersara, akan tetapi setengah-setengah Commission seperti Railway Service Commission ataupun Public Services Commission itu sendiri tidaklah memerlukan suatu kepakaran yang khusus untuk menjadi Pengerusi, atau Timbalan Pengerusi, ertinya sesiapa juga serving officers yang meningkatkan suatu taraf superscale yang tertentu misalnya boleh ditimbangkan untuk jawatan yang tersebut di atas ini.

Saya percaya kalau pegawai-pegawai kita layak dilantik untuk dilantik menjadi Setiausaha Agung pada Kementerian ataupun Ketua Pengarah satu-satu Jabatan, mereka juga boleh ditimbangkan dan cukup mempunyai integrity untuk ditimbangkan bagi menjadi Pengerusi atau sekurang-kurangnya Timbalan Pengerusi for a start.

Tuan Yang di-Pertua, Commission-commission ini juga patut telah bekerja dengan secara diam-diam dan tidaklah payah membuat kenyataan-kenyataan akhbar yang boleh menimbulkan kontroversi yang tidak diingini, misalnya, tidak lama dahulu kita masih ingat ada satu statement yang dibuat oleh seorang pegawai mengatakan standard bahasa Inggeris calon-calon Melayu yang memohon pekerjaan terlalu rendah. Mereka tidak boleh communicate, tidak boleh berbicara dalam bahasa Inggeris, kenyataan-kenyataan serupa ini bukan sahaja tidak perlu, tetapi juga mencetuskan satu kontroversi yang tidak perlu yang boleh dielakkan. Mengapa misalnya harus disebut perkataan bahasa Inggeris? Kalaupun ini suatu hakikat, suatu fact, mengapa harus dibising-bisingkan. Kalaupun seseorang calon itu lemah dalam bahasa Inggeris maka kita hendak menyalahkan calon-calon itu lalu kita buat

public statement, saya fikir ini ialah perbuatan yang tidak tepat oleh kerana kelemahan yang terdapat pada calon-calon dalam menguasai satu-satu bahasa itu bukan kesalahan calon itu sendiri tetapi mungkin kesalahan itu berpunca di tempat lain, misalnya, di sekolah, di sekolah-sekolah luar bandar yang mempunyai murid-murid terdiri daripada satu keturunan sahaja, mereka ini tidak mempunyai kesempatan untuk berbicara dan bercakap dalam bahasa Inggeris.

Kalau pun perkara-perkara ini berlaku tugas pegawai Services Commission patutlah membuat laporan kepada pihak-pihak yang berkenaan secara sulit supaya dapat dibetulkan perkara ini. Memang saya akui bahawa calon-calon daripada luar bandar tidak dapat menandingi kebolehan bahasa Inggeris calon-calon bandar oleh kerana environment mereka berlainan. Kita di bandar setiap hari bercakap bahasa Inggeris, kadang-kadang sesama Melayu pun cakap Inggeris akan tetapi calon-calon di luar bandar barangkali sebulan sekalipun tak pernah bercakap Inggeris walaupun mereka terpaksa menulis dalam bahasa Inggeris bila sampai mempelajari matapelajaran bahasa Inggeris. Kita sudah tahu gap ini memang ada dan memang wujud. Kalau kita timbulkan ini kita seolah-olah hendak mengusik sarang tebuhan. Kesalahan ini bukan terletak kepada calon-calon itu sendiri tetapi kepada environment.

Di dalam keadaan kita sedang mencuba meninggikan standard bahasa Inggeris di negeri ini eloklah untuk menjadi lebih konstruktif, kalau pihak Commissions seperti ini mendapati ada kecacatan di mana-mana pada produk sekolah-sekolah kita, maka tugas mereka yang utama ialah bukan dengan membuat public criticism terhadap orang-orang yang innocent iaitu calon-calon itu tetapi ialah untuk membuat laporan yang konstruktif, membuat cadangan yang konstruktif kepada pihak Kerajaan, bagaimana caranya hendak kita tinggikan standard bahasa Inggeris calon-calon lepasan sekolah-sekolah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga terpaksa menyebutkan di sini beberapa insiden yang telah sampai kepada saya mengenai telatah pegawai-pegawai yang menemuduga calon-calon untuk mengambil kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, di bawah Peraturan Mesyuarat 36 Fasal (8) sifat dan kelakuan ahli-ahli Suruhanjaya tak boleh disebutkan kecuali dibawa satu usul khas kerananya. Saya minta maaf saya tidak benarkan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Barangkali saya tarik balik perkataan telatah, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Bukan perkataan telatah sahaja, tetapi menyebut tentang sifat-sifat dan kelakuan ahli-ahli Suruhanjaya tidak dibenarkan kecuali ada satu usul khas untuknya.

Tuan Alias bin Md. Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tarik balik. Tetapi saya hendak, Tuan Yang di-Pertua, sebutkan di sini ialah perkara dilemma yang dihadapi oleh Wakil Rakyat ketika satu-satu recruitment exercise dijalankan. Kita tahu surat akuan daripada Wakil Rakyat tak laku dan tidak harus menjadi perhitungan dalam hendak mengambil kakitangan Kerajaan atau pegawai-pegawai, akan tetapi kalaupun tidak mahu dipertimbangkan langsung surat-surat perakuan daripada Wakil Rakyat, janganlah embarrass pula wakil-wakil Rakyat di hadapan calon itu.

Saya menyebutkan ini, kerana ada setengah-setengah kejadian, surat daripada Wakil Rakyat yang dimasukkan dalam sampul sebagai surat akuan, surat-surat itu bukan sahaja tidak dibuka, tidak dibaca bahkan diberi balik kepada calon itu dengan tak payah buka, tengok pun tidak. Calon itu mengatakan: Ini surat perakuan daripada Wakil Rakyat saya. Pegawai interview kata, "baiklah, terima kasihlah, simpanlah". Inilah saya katakan perbuatan yang memalukan Wakil Rakyat. Kalau pun tak mahu pertimbangkan recommendation daripada Wakil Rakyat, janganlah embarrass Wakil Rakyat. Kami tahu surat kami tak laku tetapi janganlah beritahu orang ramai yang surat kami tak laku. Itu sahajalah permintaan saya yang saya hendak sebutkan di sini; biarlah ada sedikit etiket, ertinya kita sama-samalah memelihara maruah antara satu sama lain. Tugas kami Wakil Rakyat ialah memelihara maruah pegawai Kerajaan dan membela pegawai Kerajaan kiranya ada timbul satu-satu public criticism terhadap pegawai

Kerajaan dan pegawai Kerajaan pula berkewajipan untuk memelihara maruah Wakil Rakyat. Kalau tidak bagaimanalah rakyat hendak menghormati wakil mereka sedangkan pegawai Kerajaan sendiri telah menunjukkan sikap yang tidak hormat kepada Wakil Rakyat?

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya berharap dengan kenaikan elaun dan gaji-gaji seperti yang tercatat di dalam Rang Undang-undang ini, saya berharap kerja-kerja pengambilan pegawai Kerajaan akan dapat disempurnakan lebih cepat, lebih sempurna dan tidak berlaku backlog lagi di masa hadapan dan tidaklah lagi setiap calon itu terpaksa menunggu berbulan-bulan untuk mendapat jawapan. Pada permohonan meminta kerja yang dimajukan oleh mereka seeloknya sama ada berjaya atau tidak jawablah dengan cepat supaya mereka tidak tertunggu-tunggu dan supaya dapatlah mereka membuat alternatif mencari option lain untuk mendapatkan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.18 ptg.

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang ini dan telah memberikan pendapat-pendapat mereka di dalam Dewan yang mulia ini.

Mungkin saya tidak dapat memberi penjelasan satu-persatu semua perkara yang telah ditimbulkan tetapi saya akan cuba sedaya-upaya untuk menjelaskan perkara itu seberapa boleh dan perlu.

Yang Berhormat dari Kangar telah menyuarakan kebimbangan beliau mengenai kekurangan pegawai Kerajaan yang mungkin boleh menyebabkan kelambatan projek-projek pembangunan Kerajaan. Adalah tidak dinafikan barangkali ada kelambatan sedikit mengambil kakitangan Kerajaan tetapi ini tidaklah bererti bahawa ianya boleh menyebabkan kelambatan yang nampak sangat ataupun menyebabkan kelambatan yang teruk sangat dalam menjalankan projek Kerajaan kerana selain daripada kakitangan Kerajaan, misalnya, kalau tidak ada engineer,

kalau tidak ada pegawai-pegawai professional, maka jabatan Kerajaan boleh menggunakan pihak consultant untuk mengatasi masalah tertentu.

Mungkin apa yang telah timbul mengenai dengan kelambatan ini adalah disebabkan beberapa perkara, pertama ialah kerana proses pengambilan kakitangan ini adalah memakan masa yang lama hingga sampai 6 bulan, ini ialah disebabkan proses ini melibatkan permohonan yang terlalu banyak bagi jawatan-jawatan yang sedikit. Maka dengan itu sekiranya permohonan itu berpuluh ribu maka ini akan mengambil masa untuk short-listing dan seterusnya. Mungkin pada masa yang sudah-sudah ada juga benarnya bahawa kuasa kurang diturunkan kepada agensi-agensi Kerajaan atau jabatan-jabatan Kerajaan tetapi masalah ini sedang dalam perhatian Kerajaan dan sebenarnya kuasa yang ada pada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mengambil kakitangan di Kategori C dan D telah diturunkan kepada jabatan-jabatan Kerajaan atau pihak Kementerian. Saya rasa masalah ini akan selesai tidak lama lagi. Dan di dalam negara kita ini kita mempunyai 6 Suruhanjaya, saya rasa dengan adanya Suruhanjaya ini dan dengan adanya perubahan gaji dan elaun yang kita timbangkan hari ini, maka mereka akan lebih dapat berkhidmat dengan lebih cemerlang lagi.

Mengenai dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri yang diminta sekiranya negeri yang berkenaan ingin mengadakan Suruhanjaya Perkhidmatannya sendiri, maka itu boleh kita adakan rundingan, tetapi bagi pihak Persekutuan kita belum ada lagi cadangan untuk mengadakan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri di negeri yang berkenaan.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi telah membangkitkan iaitu ada 40,000 jawatan yang masih kosong yang mana saya rasa ini ialah berikutan keterangan yang saya berikan di dalam Dewan ini di masa-masa yang lalu. Ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat itu iaitu pada masa ini sebahagian besar iaitu kira-kira 8,000 daripada jawatan itu sudahpun diisi dan sekarang temuduga-temuduga sedang berjalan untuk mengisi selanjutnya. Jadi, pada masa ini angka itu sudah berkurangan kira-kira 30,000

lagi. Saya rasa dengan adanya rancangan Kerajaan hari ini hendak mengadakan satu operasi atau satu gerakan untuk mengambil kakitangan Kerajaan dalam Group C dan D dengan secara besar-besaran seluruh negara ini yang dipanggil 'Operasi Isi Penuh' yang mana sudahpun berjalan mulai Mei, 1979, maka saya harap kesemua jawatan-jawatan yang kosong ini akan dapat kita isikan sebelum akhir tahun ini.

Mengenai dengan pegawai professional dan teknikal yang dikatakan masih ada kosong, ingin saya memaklumkan tidaklah begitu banyak, hanya kira-kira 2,000 jawatan sahaja dan masalah-masalah yang kita hadapi seperti pernah saya katakan ialah masalah kekurangan pegawai-pegawai yang berkenaan kerana pegawai-pegawai yang diperlukan untuk mengisi jawatan-jawatan professional dan teknikal adalah merupakan pegawai-pegawai yang mahir yang memerlukan kelayakan iaitu akademik yang tinggi maka inilah satu-satu sebabnya kenapa kelambatan mengisi kategori ini. Walau bagaimanapun, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum segala usaha telah dibuat untuk mendapatkan pegawai-pegawai yang berkenaan misalnya, kita telah membuat permohonan atau minta kerjasama dari negara-negara jiran kita seperti Indonesia dan sebagainya untuk mendapatkan doktor-doktor.

Keraguan Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengenai dengan projek-projek takut tidak berjalan dengan lancar, inginlah saya beri jaminan bahawa segala usaha akan dijalankan untuk memastikan projek pembangunan ini berjalan dengan licin dan pada masa ini Kerajaan berpuas hati bahawa projek-projek pembangunan di negara kita telah berjalan dengan begitu licin, dengan begitu memuaskan lebih daripada yang dijangkakan, maka dengan itu kita menambahkan peruntukan di dalam kita mengkaji semula Rancangan Malaysia Ketiga.

Yang Berhormat dari Tanah Merah telah menimbulkan atau telah menyuarakan mengenai dengan ahli-ahli Suruhanjaya dipastikan supaya jangan berniaga, saya rasa ini sudah termasuk dalam Rang Undang-undang yang saya bantahkan dalam Dewan pada petang ini dan saya rasa tidaklah perlu bimbang kerana pihak Kerajaan akan

mengambil beberapa langkah yang perlu untuk memestikan apa juga peruntukan yang ada dalam Rang Undang-undang ini akan dilaksanakan mengikut yang dimaksudkan.

Mengenai dengan medical facilities \$10.00 itu saya rasa tidaklah terlalu besar kerana ini juga adalah terpaksa kita kenakan dan kita selaraskan kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang lain yang ada dalam negara kita ini.

Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah menyentuh tentang pegawai yang dipilih biarlah daripada orang-orang yang menyokong dasar Kerajaan, dan tadi Yang Berhormat yang akhir sekali bercakap ada menyentuh bahawa perakuan dari Ahli Yang Berhormat tidak ditimbang.

Mengenai pegawai-pegawai yang dipilih yang diminta supaya daripada yang menyokong Kerajaan, saya rasa ini satu perkara yang agak sulit sedikit, kerana tentu kita semua maklum mungkin hari ini dia menyokong, esok dan lusa dia tidak menyokong bagaimana pula kita hendak mengetahui yang dia itu menyokong atau tidak menyokong, tetapi segala usaha kita akan pastikan bahawa orang-orang yang menentang pihak Kerajaan tentulah mungkin tidak sesuai diambil kerana kalau kita sudah tahu dia menentang dasar-dasar Kerajaan bagaimana pula dia boleh dapat melaksanakan tugas-tugasnya sebagai Pegawai Kerajaan. Ini kita akan ambil perhatian. Ingin saya jelaskan di sini bahawa Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan yang ada di negara kita ini adalah merupakan badan-badan yang bebas dan merenal yang menjalankan tugas yang dikatakan secara bebas dan tidak dapat dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Walau bagaimanapun, kita harus sedar seperti saya katakan tadi ialah untuk mengetahui mana-mana yang menyokong Kerajaan atau tidak itu adalah satu perkara yang mungkin amat rumit.

Mengenai akademik dan pengalaman yang ditimbulkan yang harus diambil perhatian berat apabila mengambil kakitangan Kerajaan, saya rasa ini memang dilaksanakan pada masa ini, akademik dan pengalaman adalah satu daripada faktor yang ditimbang di dalam masa mengambil kakitangan Kerajaan.

Mengenai dengan latihan-latihan yang diperlukan takut kalau-kalau pegawai Kerajaan tidak diberi latihan mungkin tidak cekap seperti yang disebutkan dalam Badan-badan Berkanun, sebenarnya ingin saya memaklumkan latihan-latihan memang diadakan di tiap-tiap jabatan dari masa ke semasa, begitu juga seterusnya seminar-seminar diadakan adalah bertujuan untuk memastikan pegawai-pegawai Kerajaan dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan kepada rakyat.

Satu lagi perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh tadi ialah temuduga diadakan di negeri-negeri, ini-pun sudah dijalankan oleh Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Suruhanjaya Perkhidmatan Polis dan lain-lain Suruhanjaya, bila-bila masa difikirkan perlu ahli-ahli ini akan berjalan ataupun akan pergi ke daerah-daerah ataupun negeri-negeri untuk menemuduga pemohon-pemohon di tempat masing-masing.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu telah meminta Kerajaan Persekutuan menasihatkan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya menaikkan gaji, elaun ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya Negeri. Saya rasa ini satu perkara yang bolehlah kita mungkin kemukakan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri secara nasihat tetapi keputusan adalah kepada Kerajaan Negeri kerana gaji yang akan dibayar itu adalah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri sendiri.

Mengenai ahli-ahli Suruhanjaya yang dikatakan tadi yang datangnya dari pegawai-pegawai yang telah bersara dan mungkinlah Ahli Yang Berhormat itu berfikir orang-orang lain pun selain daripada pegawai Kerajaan yang telah bersara itu boleh diambil kerana mungkin beliau katakan pegawai-pegawai yang bersara itu mahu berihat. Saya rasa dalam perkara ini Kerajaan memang sudah berhati-hati mana pegawai-pegawai yang bersara yang ingin rihat saya rasa itu tidaklah kita memaksa tetapi tujuan Kerajaan mengambil mereka ini ialah memastikan bahawa dari pengalaman yang ada pada mereka itu boleh memastikan pengambilan itu berjalan dengan baik, dengan lebih teratur dan dengan lebih sempurna. Disebutkan tadi mengenai surat Wakil Rakyat yang tidak laku,

saya rasa ini memang menjadi tujuan Kerajaan atau dasar Kerajaan bahawa surat-surat perakuan dari pemimpin-pemimpin memanglah selalunya diambil perhatian. Dan saya rasa ini memang sudah menjadi kebiasaan dan saya tidak tahulah kalau apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu berlaku, mungkin ini barangkali secara tidak sengaja, mungkin ini merupakan satu perkara peribadi seseorang itu tetapi pada keseluruhan pada dasarnya memanglah di masa pengambilan kakitangan Kerajaan itu jika seseorang yang memohon itu membawa testimonial ataupun perakuan-perakuan biasanya disampaikan dan akan dapat ditimbangkan bersama-sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sekian sahajalah yang dapat saya berikan jawapan pada petang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan Kerajaan

dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai ditimbangkan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputusan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan Kerajaan dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai ditimbangkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PILIHANRAYA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.24 ptg.

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dalam Dewan yang mulia ini memohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama 'Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957' dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Seksyen-kecil (1) Seksyen 2 dengan mengganti jadual yang ada dengan dua jadual baru iaitu Jadual Pertama dan Jadual Kedua. Seperti juga dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) 1979 yang diluluskan sebentar tadi, Jadual Pertama hanya mengandungi perkara-perkara gaji dan elaun tetap dan elaun bantuan gaji derebar yang baru. Jadual kedua mengandungi semua kemudahan-kemudahan lain.

Rang Undang-undang ini juga bertujuan mengadakan seksyen baru iaitu seksyen 12. Seksyen 12 ini memperuntukkan kuasa membuat peraturan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Apa-apa pindaan kepada Jadual Kedua boleh dibuat dengan peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, asas-asas dan sebab-sebab Kerajaan memberikan gaji baru kepada Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan telah

diterangkan sebentar tadi ketika mengemukakan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) 1979. Asas-asas dan hujah-hujahnya adalah sama dan saya rasa tidak perlu diulang lagi. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dapat perhatian di dalam Jadual Pertama, gaji bagi Pengerusi dan elaun tetap Ahli adalah sama dengan lain-lain Suruhanjaya Perkhidmatan kecuali dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang lebih tinggi sedikit. Kesimpulannya, selain daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, lain-lain Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan dan Suruhanjaya Pilihanraya mendapat gaji, elaun tetap yang sama dan diselaraskan. Kemudahan-kemudahan lain di Jadual Kedua juga adalah sama bagi semua Suruhanjaya Perkhidmatan termasuklah Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957 dibaca kali kedua dan sekarang terbuka untuk perbincangan. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

6.26 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sedikit pandangan bagi pihak Pembangkang terhadap Rang Undang-undang (Pindaan) ini. Dengan kenaikan gaji Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya dan juga kenaikan elaun tetap untuk ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya ini dan dengan adanya ganjaran, kemudahan perubatan, cuti dan lain-lain faedah kepada Pengerusi dan lain ahli-ahli Suruhanjaya ini, saya berharap bahawa ke semua faedah dan kemudahan ini akan menggalakkan mereka berkhidmat dan bekerja dengan lebih dedikasi dan bersemangat untuk kebaikan Suruhanjaya Pilihanraya. Tuan Speaker, yang amat penting ialah mengenai tugas dan fungsi Suruhanjaya Pilihanraya di negara kita. Dalam konteks ini saya mengesyorkan bahawa Pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya dapat

mengambil daya utama (initiative) untuk mengubah atau mereformasikan Suruhanjaya Pilihanraya supaya Suruhanjaya tersebut dapat bergerak sebagai satu badan yang benar-benar bebas.

Menurut Perlembagaan kita Suruhanjaya Pilihanraya ialah satu badan yang bebas tetapi setakat ini pihak kami dan pihak rakyat belum diyakinkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya dalam rupa bentuk yang wujud sekarang boleh bergerak sebagai sebuah badan bebas tanpa dipengaruhi atau gangguan, atau percampuran politik oleh pihak pemerintah. Untuk membuktikan kenyataan saya ini saya hendak memberitahu Dewan ini bahawa baharu-baharu ini Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri telah membuat satu pengumuman bahawa bilangan kerusi Dewan Rakyat untuk Kelantan akan ditambah dua buah kerusi dan bilangan kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan akan ditambah enam buah kerusi.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan itu sangat mengejutkan pihak kami dan juga orang ramai dan dibuat seolah-olah Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri mempunyai kuasa untuk membuat sesuatu keputusan mengenai pembahagian kawasan-kawasan ataupun penambahan kawasan-kawasan pilihanraya. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan juga menjadi salah seorang tokoh parti Barisan Nasional telah membuat kenyataan ini, telah memberi satu gambaran bahawa politik telah dicampur dalam kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya dan satu arahan politik telah diberi kepada Suruhanjaya Pilihanraya tersebut. Ini ialah satu kes yang sangat mendukacitakan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pembahagian dan penambahan kawasan-kawasan pilihanraya hanya dapat dilaksanakan di dalam dua peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu Artikel 46 dan Artikel 113 (2): Artikel 46 menentukan bilangan kawasan pilihanraya Parlimen di dalam setiap negeri sedangkan Artikel 113 (2) menyatakan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah pada jarak tidak lebih daripada 10 tahun atau tidak kurang daripada 8 tahun untuk mengulangkaji masalah pembahagian kawasan-kawasan pilihanraya di dalam Persekutuan dan Negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Artikel 46 tertakluk kepada Parlimen dan hanya Parlimen ada kuasa untuk membuat keputusan sama ada bilangan kerusi Parlimen yang wujud sekarang dipelihara atau dipinda. Perkara ini tidak boleh dipersoal oleh sesiapa pun.

Artikel 113 (2) menyatakan bahawa selepas satu ulangkaji (review) dibuat, Suruhanjaya Pilihanraya boleh mengesyorkan kepada Kerajaan sama ada bilangan kawasan-kawasan pilihanraya hendaklah ditambah atau tidak. Dan sekiranya tambahan kerusi dikehendaki, Parlimen haruslah bersidang untuk meminda Artikel 46 untuk menyesuaikan perubahan itu.

Dalam hubungan ini saya adalah difahamkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya dijadualkan mengulangkaji pembahagian kawasan-kawasan pilihanraya di antara tahun 1982 hingga tahun 1984. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada perkara ini saya suka mengambil kesempatan ini untuk menggesa Suruhanjaya Pilihanraya menentukan bahawa ulangkaji (review) ini akan dijalankan secara adil tanpa mempengaruhi politik dan gangguan dari mana-mana pihak dan hasilnya dapat diumumkan.

Apa yang paling mustahak ialah kawasan-kawasan pilihanraya dapat diwujudkan mengikut kadar yang seimbang dengan bilangan pengundi-pengundi di satu-satu kawasan. Ini patut dilaksanakan supaya Wakil Rakyat di kawasan bandar misalnya tidak dikehendaki mewakili bilangan penduduk yang berkali ganda besar dari bilangan penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu perkara yang saya ingin menyentuh di sini ialah saya berharap juga bahawa dengan adanya Rang Undang-undang pindaan ini, Pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya dapat mengambil tindakan untuk memperbaiki lagi sistem pendaftaran pengundi-pengundi dengan mengadakan sistem pendaftaran automatik di mana semua warganegara-warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun dapat didaftarkan sebagai pengundi secara automatik dan kami berpendapat bahawa ini dapat dibuat melalui Jabatan Pendaftaran Negara ataupun untuk memperolehi bantuan daripada mereka.

Satu perkara akhir yang suka saya membangkitkan ialah mengenai aturan (procedure) proses penamaan calon dalam pilihanraya. Saya suka mencadangkan di sini bagi pihak Pembangkang, bahawa Suruhanjaya dapat mengulangkaji aturan (procedure) mengisi borang penamaan calon. Pada anggapan kami sistem yang dijalankan sekarang adalah rumit dan complicating dan oleh kerana ini ramai calon dalam pilihanraya yang lepas telah gagal bertanding dalam pilihanraya akibat apa yang telah disifatkan sebagai kesilapan teknikal.

Saya yakin bahawa kerumitan ini dapat diatasi sekiranya Suruhanjaya Pilihanraya dapat mengambil langkah untuk memudahkan proses ataupun procedure untuk mengisi borang-borang penamaan calon dalam pilihanraya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

6.35 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya ini dan saya suka menarik perhatian kepada perasaan yang dikeluarkan oleh Wakil dari Kuala Lumpur Bandar tentang pastinya terhadap kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya ini.

Saya rasa kalau Suruhanjaya Pilihanraya ini tidak bebas sebagaimana yang ada pada Suruhanjaya itu, saya rasa wakil DAP yang ada dalam Dewan ini tidak akan duduk di kerusi Dewan ini. Ini adalah satu bukti yang paling terang bahawa Suruhanjaya ini bebas, yang menjalankan pemilihan secara demokrasi yang dikehendaki oleh negara ini. Jadi tuduhan yang diberi oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu adalah satu tuduhan yang tidak berasas dan hanya untuk menguntungkan dari segi partinya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebutkan tentang beliau menyentuh Ketua Perhubungan UMNO Kelantan iaitu Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh yang saya juga ada di dalam Dewan itu tetapi percakapannya kepada ahli-ahli UMNO dan beliau tidak pernah mengatakan bahawa kita akan memecahkan kawasan pilihanraya di Kelantan dan kawasan Parlimen, beliau tidak pernah menyebut begitu. Tetapi beliau

memperingatkan kepada ahli-ahli UMNO kalau sekiranya pilihanraya yang akan datang kawasan di Kelantan ini dipecahkan atau kawasan pilihanraya ditambah, maka kita berkehendakkan calon-calon atau tokoh-tokoh yang lahir daripada golongan UMNO ini untuk ditempatkan di tempat-tempat itu. Tetapi malangnya telah diputar belitkan dan telah dibawa keluar oleh pemberita-pemberita suratkhbar.

Apakah salahnya kalau beliau sebagai Ketua Perhubungan UMNO Kelantan untuk menyatakan ini kepada ahli-ahli UMNO untuk mengingatkan kepada ahli-ahli UMNO tentang kemungkinan untuk mengubah kawasan-kawasan pilihanraya, kerana kita juga sebagai sebuah parti politik yang mempunyai organisasi yang mempunyai cadangan-cadangan untuk masa hadapan. Kita akan menyediakan pemimpin-pemimpin yang boleh duduk di tempat-tempat itu. Tetapi kalau ini dijadikan asas sebagai mengatakan suruhanjaya ini dicampuraduk dengan politik, saya rasa ini adalah satu permainan politik oleh pihak Pembangkang (*Tepuk*). Suruhanjaya ini adalah satu tuduhan yang tidak berasas dan saya tetap mempertahankan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya ini tidak akan bercampur dengan politik tetapi kalau sekiranya ahli-ahli politik daripada Pembangkang yang memerintah negeri ini, saya rasa perkara itu mungkin terjadi di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.38 ptg.

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang sanggup membahaskan Rang Undang-undang ini.

Perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar saya rasa dengan sendirinya telah dijawab olehnya sendiri juga yang mengatakan dia sendiri tidak ada keraguan bahawa Undang-undang itu ada salah.

Mengenai dengan kenyataan yang telah dinyatakan oleh Menteri Kewangan, saya rasa kerana saya pun kurang tahu mungkin apa

yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh saya rasa bolehlah digunakan sebagai jawapan kerana saya sendiri tidaklah ingin membuat komen kerana saya sendiri tidak tahu mengenai dengan perkara itu.

Walau bagaimanapun mengenai dengan mengadakan kawasan-kawasan yang baru apabila Suruhanjaya ini mahu mengubah kawasan-kawasan pilihanraya atau menambahnya, beberapa faktor harus dipertimbangkan, bukan hanya ramainya pengundi-pengundi tetapi juga kawasan itu dan juga perhubungan yang ada dalam tempat itu. Kerana walaupun kawasan terlalu luas kalau tidak ada orang, bagaimanakah Ahli Yang Berhormat boleh berkhidmat kalau dia terpaksa berjalan begitu jauh berbulan-bulan atau berminggu-minggu, misalnya di Sabah dan Sarawak yang saya tahu.

Jadi saya rasa dalam perkara ini Suruhanjaya Pilihanraya apabila menimbang untuk mengadakan tempat ataupun perubahan kepada kawasan-kawasan pilihanraya mestilah menimbang beberapa perkara seperti yang saya katakan tadi.

Mengenai dengan sistem pendaftaran yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya rasa Kerajaan sudah puas hati dengan sistem yang ada sekarang ini kerana saya rasa ini adalah satu sistem yang sangat baik jika dibandingkan dengan sistem-sistem yang lain yang ada di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada apa lagi yang hendak dikatakan dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya kemukakan bagi diputuskan iaitu soalnya bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL-USUL

AKTA KASTAM 1967

(i) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1979**

(ii) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1979**

6.43 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu mengikut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil 2 dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah Kastam iaitu:

(i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1979, dan

(ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1979

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statuit bilangan 40 dan 41 tahun 1979 disahkan.

Butir-butir mengenai perintah-perintah ini boleh didapati di dalam Kertas-kertas Statuit bilangan 40 dan 41.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu mengikut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil 2 dalam

Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah Kastam iaitu:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1979, dan
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1979

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statuit bilangan 40 dan 41 tahun 1979 disahkan.

AKTA ACARA KEWANGAN 1957

KUMPULANWANG AMANAH PENDAHULUAN SEWA RUMAH BAGI PENUNTUT-PENUNTUT MALAYSIA DI INDONESIA

6.45 ptg.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang:

Bahawa mengikut seksyen 10 (4) (a) Akta Acara Kewangan 1957, Dewan ini mengambil ketetapan bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran baru seperti berikut:

Kumpulanwang Amanah Pendahuluan Sewa Rumah bagi Penuntut-penuntut Malaysia di Indonesia.

Jadual Kedua yang tersebut menetapkan berbagai-bagai jenis Kumpulanwang Amanah Kerajaan, dan Dewan ini boleh dengan usul meminda, memotong atau menambah Jadual tersebut dari masa ke semasa.

Jumaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan bagi menubuhkan satu Kumpulanwang di bawah seksyen 10 (4) (a) Akta Acara Kewangan 1957, yang dinamakan "Kumpulanwang Amanah Pendahuluan Sewa Rumah bagi Penuntut-penuntut Malaysia di Indonesia" dengan peruntukan permulaan sebanyak \$200,000.00 (Dua Ratus Ribu Ringgit). Maksud penubuhan Kumpulanwang Amanah tersebut adalah bagi membantu pelajar-pelajar biasiswa Kerajaan dan MARA untuk membayar pendahuluan sewa rumah.

Pada masa ini Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pelajaran dan MARA menghantar penuntut-penuntut untuk belajar di Universiti-universiti

di Indonesia bagi mengikuti kursus-kursus dalam Bahagian Sains, Teknologi dan Perubatan. Di kota-kota besar di Indonesia terutamanya di Jakarta penuntut-penuntut kita mengalami kesulitan untuk mendapatkan rumah. Apabila didapati rumah-rumah, maka tuan-tuan punya rumah menuntut bayaran sewa dijelaskan sekali gus selama 3 tahun atau lebih. Bagi penuntut-penuntut Malaysia yang menerima biasiswa bulanan dari pihak Kerajaan, keperluan membayar sewa rumah sekali gus ini adalah didapati begitu berat dan memerlukan penuntut-penuntut ini meminjam wang daripada beberapa punca. Adalah didapati wajar pihak Kerajaan memberi bantuan supaya pelajar-pelajar yang memegang biasiswa Kerajaan ataupun MARA diberi bantuan pinjaman bagi menyelesaikan keperluan sewa rumah ini dan pinjaman ini dipotong beransuran daripada biasiswa bulanan yang dibayar kepada pelajar. Untuk tujuan ini adalah dicadangkan supaya peruntukan permulaan sebanyak \$200,000.00 disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut seksyen-kecil (4) (a) seksyen 10 di dalam Akta Acara Kewangan 1957, Dewan ini mengambil ketetapan bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran baru seperti berikut:

Kumpulanwang Amanah Pendahuluan Sewa Rumah bagi Penuntut-penuntut Malaysia di Indonesia.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

GRATUITY PAID OUT OF PUBLIC FUNDS ON TERMINATION OF A CONTRACT OF EMPLOYMENT

6.48 ptg.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Bahawa Majlis ini menetapkan bahawa menurut

kuasa-kuasa yang diletakhak padanya menurut seksyen-kecil (2) seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan 1967, Bahagian I Jadual 6 kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butir baru yang berikut:

“25B. Sums received by way of gratuity paid out of public funds on termination of a contract of employment (less the employer's contributions to the Employees Provident Fund, if any, and interest thereon).”

dan bahawa pindaan itu hendaklah disifatkan berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1977 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat mengetahui Kerajaan telahpun membuat pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan, 1967 untuk mengecualikan apa-apa ganjaran yang diterima semasa bersara dari pekerjaan, yang dibayar di bawah Ordinan Pencen, 1951 dan Akta Kumpulanwang Persaraan Pihak-berkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan 1977 dan lain-lain ganjaran serupa itu yang dibayar dari kumpulanwang awam kerana persaraan. Pengecualian ini adalah berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1977. Memandangkan pengecualian tersebut dihadkan untuk pegawai-pegawai tetap sahaja, maka adalah wajar sekiranya pengecualian itu diberikan juga atas ganjaran yang dibayar kepada pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam secara kontrak, selepas tamatnya tempoh kontrak perkhidmatan mereka. Pengecualian yang dicadangkan ini menyamakan kedudukan ganjaran yang dibayar kepada pegawai kontrak selepas tamat tempoh perkhidmatannya dengan ganjaran-ganjaran yang dibayar kepada pegawai tetap semasa bersara.

Bagi menguatkuasakan pengecualian yang dicadangkan itu maka adalah perlu dipinda Bahagian I, Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan, 1967 dengan menambah butir baru 25B seperti yang dinyatakan dalam ketetapan yang dicadangkan. Pengecualian ini adalah hanya atas jumlah ganjaran bersih iaitu, selepas ditolak sumbangan Kerajaan kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja-pekerja (jika ada) dan faedah ke atasnya. Pindaan yang dicadangkan ini adalah berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1977 supaya ianya selaras

dengan pengecualian atas ganjaran persaraan yang dibayar kepada pegawai-pegawai tetap.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini menetapkan bahawa, menurut kuasa-kuasa yang diletakhak padanya menurut seksyen-kecil (2) seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan 1967, Bahagian I Jadual 6 kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran baru yang berikut:

“25B. Sums received by way of gratuity paid out of public funds on termination of a contract of employment (less the employer's contributions to the Employees Provident Fund, if any, and interest thereon).”

dan bahawa pindaan itu hendaklah disifatkan berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1977 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PALM OIL REGISTRATION AND LICENSING AUTHORITY

6.50 ptg.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini menetapkan bahawa, menurut kuasa-kuasa yang diletakhak padanya menurut seksyen-kecil (2) seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan 1967, Bahagian II Jadual 6 kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran baru yang berikut:

“78. Palm Oil Registration and Licensing Authority.” dan bahawa pindaan itu hendaklah disifatkan berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1977 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Tujuan ketetapan ini ialah untuk membolehkan pengecualian Cukai Pendapatan kepada Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Palm Oil Registration and Licensing Authority) yang telah ditubuhkan di bawah Akta Parlimen No. 179 tahun 1976. Lembaga ini ditubuhkan khusus bagi mengawal serta mengadakan peraturan mengenai pendaftaran dan pelesenan berhubung dengan aktiviti-aktiviti pengeluaran dan pemasaran minyak kelapa sawit di negara ini supaya perusahaan minyak kelapa sawit dapat dijalankan dengan lebih terkawal dan teratur bagi menjamin kemajuan dan kecekapan perusahaan tersebut.

Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit mendapat bantuan Kerajaan dalam bentuk geran pelancaran di peringkat awal penubuhannya. Lembaga itu juga mempunyai kuasa untuk mengenakan dan mengutip ses minyak kelapa sawit dan kutipan ses ini akan merupakan punca pendapatan yang utama baginya untuk menjalankan tugas-tugasnya. Lembaga ini dijangka akan dapat membiayai perbelanjaan-perbelanjaan sendiri dan tidak akan bergantung kepada bantuan Kerajaan. Oleh itu adalah difikirkan wajar sekiranya pendapatan Lembaga ini dikecualikan dari Cukai Pendapatan memandangkan bahawa Lembaga ini merupakan satu badan yang tidak bertujuan mencari keuntungan dan pendapatannya adalah semata-mata untuk membiayai kegiatan-kegiatan Lembaga seperti yang diperuntukan dalam Akta Penubuhan Lembaga.

Oleh itu bagi melaksanakan tujuan di atas adalah dicadangkan supaya Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit disenaraikan di dalam Bahagian II, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti di dalam ketetapan untuk mengecualikannya dari cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini menetapkan bahawa, menurut kuasa-kuasa yang diletakhak padanya menurut seksyen-kecil (2) seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan 1967, Bahagian II Jadual 6 kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran baru yang berikut:

“Palm Oil Registration and Licensing Authority”, dan bahawa pindaan itu hendaklah disifatkan berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1977 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PALM OIL RESEARCH AND DEVELOPMENT BOARD

6.55 *ptg.*

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini menetapkan bahawa, menurut kuasa-kuasa yang diletakhak padanya menurut seksyen-kecil (2) seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan 1967, Bahagian II Jadual 6 kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran baru yang berikut:

“79. Palm Oil Research Development Board.”, dan bahawa pindaan itu hendaklah berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1980.

Tujuan ketetapan ini ialah untuk membolehkan pengecualian cukai pendapatan kepada Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit (Palm Oil Research and Development Board) yang telah ditubuhkan di bawah Akta Parlimen No. 218 tahun 1979.

Lembaga ini ditubuhkan khusus bagi mengawal, menyelaras dan menggalakkan penyelidikan mengenai pengeluaran dan pemasaran minyak kelapa sawit di negara ini supaya mutu pengeluaran minyak kelapa sawit Malaysia dapat ditinggikan lagi untuk kepentingan ekonomi negara memandangkan minyak kelapa sawit adalah di antara keluaran eksport yang besar di negara ini.

Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit mendapat bantuan Kerajaan dalam bentuk "grant" pelancaran di peringkat awal penubuhannya. Lembaga itu juga mempunyai kuasa untuk mengenakan dan mengutip ses minyak kelapa sawit dan kutipan ses ini akan merupakan punca pendapatan yang utama baginya untuk menjalankan tugas-tugasnya. Lembaga ini dijangka akan dapat membiayai perbelanjaan-perbelanjaannya sendiri dan tidak akan bergantung kepada bantuan Kerajaan. Oleh itu adalah difikirkan wajar sekiranya pendapatan Lembaga itu dikecualikan dari cukai pendapatan memandangkan bahawa Lembaga itu merupakan satu badan yang tidak bertujuan mencari keuntungan dan pendapatannya adalah semata-mata untuk membiayai kegiatan-kegiatan Lembaga seperti yang diperuntukan di dalam Akta penubuhan Lembaga.

Oleh itu bagi melaksanakan tujuan di atas adalah dicadangkan supaya Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit disenaraikan di dalam Bahagian II, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti di dalam ketetapan untuk mengecualikannya dari cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini menetapkan bahawa, menurut kuasa-kuasa yang diletakhak padanya menurut seksyen-kecil (2) seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan 1967, Bahagian II Jadual 6 kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran baru yang berikut:

"Palm Oil Research and Development Board.", dan bahawa pindaan itu hendaklah berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1980.

UCAPAN PENANGGUHAN

6.58 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang daripada 26 Ahli hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, 25hb Jun, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.